


MODUL 2

RAWATAN SPIRITAL ISLAM



MODEL RAWATAN SPIRITUAL ISLAM

BAHAGIAN A

Program Melahirkan
Perawat Spiritual Islam

BAHAGIAN B

Program Rawatan Spiritual
Islam Pelatih

Model di atas terbahagi kepada dua bahagian iaitu model untuk melahirkan perawat Spiritual Islam dan model untuk melaksanakan aktiviti saringan dan Rawatan Spiritual Islam (RSI). Kedua-dua model ini saling berkaitan dan amat penting dilaksanakan kedua-duanya sekali supaya pelatih dapat mengikuti Rawatan Spiritual Islam oleh perawat yang berkemahiran dan disahkan kemahirannya mengikut akidah, syariah dan tasawuf Islam.

Hubungan kerohanian dengan pemulihan pelatih kerana banyak bergantung kepada aspek hati berdasarkan hadis Nabi:

أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً إِذَا صَلُحَتْ صَلُحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ

Maksudnya: “Sesungguhnya dalam jasad itu terdapat seketul daging, jika baik ia maka baik seluruh jasad, jika ia rosak maka seluruh jasad akan rosak. Itulah hati”.

إِنَّ اللَّهَ لَا يَنْظُرُ إِلَى أَجْسَامِكُمْ، وَلَا إِلَى صُورِكُمْ، وَلَكِنْ يَنْظُرُ إِلَى قُلُوبِكُمْ وَأَعْمَالِكُمْ

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah tidak melihat rupa kamu atau bentuk tubuh kamu, akan tetapi Dia melihat kepada hati dan amalan kamu”.

Menurut imam Ghazali, nafsu natiqah atau nafsu jauhari iaitu hati yang menerima taklif. Nafsu tersebut tiada pada haiwan lain. Nafsu yang ada pada semua haiwan adalah nafsu haiwaniyyah.

Hadis lain menyebutkan:

فَوَيْلٌ لِمَنْ كَانَ عَقْلُهُ أَسِيرًا لِنَفْسِهِ، طُوبٌ لِمَنْ كَانَ نَفْسُهُ أَسِيرًا لِعَقْلِهِ

Maksudnya: “Celakalah orang yang akalnya ditawan oleh nafsunya (hatinya) berbahagialah orang yang nafsunya (hatinya) ditawan oleh akalnya.

BAHAGIAN A

Program Melahirkan
Perawat Spiritual Islam

MODEL MELAHIRKAN PERAWAT

1. KONSEP RAWATAN SPIRITUAL ISLAM (RSI)

Mengetahui dan memahami Rawatan Spiritual Islam (RSI) sebenar dan pelbagai unsur yang salah supaya RSI dapat dimurnikan.

3. ILMU DAN AMALAN SIHIR

Membolehkan perawat mengenal pasti pelatih sama ada kesan sihir atau kesan-kesan lainnya.

4. REFLEKSOLOGI SPIRITUAL ISLAM

Mendapatkan asas kemahiran, amali rawatan yang telah dipelajari. Ilmu dan kefahaman asas mengenai *Anatomii* dan *Hygiene*.

6. LATIHAN LANJUTAN

Meningkatkan kemahiran amali perawat pelatih dalam semua aspek, ketakwaan, kesabaran, keikhlasan, tawakal keredhaan, kelembutan hati dan pelbagai sifat zahir dan batin.

2. HUBUNGAN MANUSIA DENGAN JIN DAN SYAITAN

Memperkasa kemampuan dan keyakinan perawat untuk membolehkan mereka menghadapi, merawat pelatih dan menyelesaikan pelbagai masalah pengaruh jin dan syaitan.

5. LATIHAN MERAWAT

Memperkasa kefahaman dan kesedaran perawat mengenai keistimewaan, kemampuan dan keberkesanan kaedah refleksologi Islam dan ruqyah berbanding dengan pelbagai kaedah rawatan Islam yang lain seumpama ruqyah sahaja.

Tajuk Aktiviti: Program Melahirkan Perawat

UNIT	TAJUK	OBJEKTIF	KANDUNGAN KURSUS	LANGKAH-LANGKAH PERLAKSANAAN DAN MASA	ALAT BANTU PEMULIHAN DAN BAHAN RUJUKAN
1	<ul style="list-style-type: none"> i. Pawang, Sejarah dan Pengaruhnya, Dulu dan Masa kini; ii. Sejarah, Asas-asasnya daripada sudut akidah dan Syariah; iii. Konsep Rawatan Spiritual Islam (RSI), iv. Kekeliruan Masyarakat Dalam RSI; v. Ayat-ayat ruqyah, doa dan selawat nabi yang ditetapkan 	Mengetahui dan memahami RSI sebenar dan pelbagai unsur yang salah supaya RSI dapat dimurnikan.	<p>Penerangan asas-asas tauhid ahli sunnah wal jamaah yang ada kaitannya dengan rawatan, khususnya yang berkaitan dengan sifat-sifat Allah, qudrat, iradah, jalal dan jamal, rahmat dan kurnia-Nya dan lain-lain.</p> <p>Penerangan mengenai hukum-hakam, halal dan haram dalam Rawatan Spiritual Islam (RSI).</p> <p>Penyerahan ayat-ayat ruqyah, doa dan selawat nabi yang ditetapkan.</p>	<p>15 jam</p> <ol style="list-style-type: none"> Institusi Kahin dan pengaruhnya pada zaman Jahiliah. (1 jam 30 minit) Usaha Islam memerangi Kahin, 'Arraf, Munajjim dan perkara yang berkaitan. (1 jam 30 minit) Institusi pawang dan bomoh sebelum Islam di Asia Tenggara khasnya di Malaysia. (1 jam 30 minit) Institusi pawang dan bomoh selepas Islam di Asia Tenggara khasnya di Malaysia. (1 jam 30 minit) Konsep rawatan spiritual Islam. (1 jam 30 minit) Konsep penyakit dalam Islam (1 jam 30 minit) Kedudukan dan peranan Rasulullah dalam rawatan. (1 jam 30 minit) Pelbagai kaedah rawatan Rasulullah. (1 jam 30 minit) 	<p>Buku Rujukan</p> <p>Buku pilihan dari senarai buku-buku yang dilampirkan.</p>

UNIT	TAJUK	OBJEKTIF	KANDUNGAN KURSUS	LANGKAH-LANGKAH PERLAKSANAAN DAN MASA		ALAT BANTU PEMULIHAN DAN BAHAN RUJUKAN
				9.	Kekeliruan masyarakat dalam rawatan spiritual Islam, Kuliah 1. (1 jam 30 minit)	Buku pilihan dari senarai buku-buku yang dilampirkan.
				10.	Kekeliruan masyarakat dalam rawatan spiritual Islam, Kuliah 2. (1 jam 30 minit)	
2	Memahami pelbagai aspek berkaitan jin dan syaitan	i. Memperkasa kemampuan dan keyakinan perawat untuk membolehkan mereka menghadapi, merawat pelatih dan ii. Menyelesaikan pelbagai masalah pengaruh jin dan syaitan.	Jin dan Syaitan, Kedudukannya, Latar Belakang Sejarah, Hubungannya dengan Manusia, Penyakit, Baik dan Buruknya dan Pelbagai Permasalahan Penjelasan ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis nabi yang menyentuh jin dan syaitan. Pandangan pelbagai lapisan ulamak mengenai jin dan syaitan. Penjelasan mengenai tipu daya jin dan syaitan. Penjelasan mengenai virus, bakteria dan kaitannya dengan jin, syaitan dan manusia.	15 jam		Buku Rujukan
				1.	Mengenal kejadian jin dan syaitan serta pelbagai aspek yang berkaitan, kuliah 1. (1 jam 30 minit)	
				2.	Mengenal kejadian jin dan syaitan serta pelbagai aspek yang berkaitan, kuliah 2. (1 jam 30 minit)	Buku pilihan dari senarai buku-buku yang dilampirkan.

UNIT	TAJUK	OBJEKTIF	KANDUNGAN KURSUS	LANGKAH-LANGKAH PERLAKSANAAN DAN MASA		ALAT BANTU PEMULIHAN DAN BAHAN RUJUKAN
				3.	Permusuhan dan tipu daya jin dan syaitan terhadap manusia, kuliah 1. (1 jam 30 minit)	Buku pilihan dari senarai buku-buku yang dilampirkan.
				4.	Permusuhan dan Tipu Daya Jin dan Syaitan Terhadap Manusia, Kuliah 2. (1 jam 30 minit)	
				5.	Hubungan jin dan syaitan dengan pelbagai penyakit, kuliah 1. (1 jam 30 minit)	
				6.	Hubungan jin dan syaitan dengan pelbagai penyakit, kuliah 2. (1 jam 30 minit)	
				7.	Sebab-Sebab jin dan syaitan memasuki tubuh dan menguasai manusia, kuliah 1. (1 jam 30 minit)	
				8.	Sebab-sebab jin dan syaitan memasuki tubuh dan menguasai manusia, kuliah 2. (1 jam 30 minit)	

UNIT	TAJUK	OBJEKTIF	KANDUNGAN KURSUS	LANGKAH-LANGKAH PERLAKSANAAN DAN MASA		ALAT BANTU PEMULIHAN DAN BAHAN RUJUKAN
			Penjelasan mengenai tipu daya jin dan syaitan. Penjelasan mengenai virus, bakteria dan kaitannya dengan jin, syaitan dan manusia.	9.	Kaedah melawan dan mengalahkan jin dan syaitan, kuliah 1. (1 jam 30 minit)	Buku pilihan dari senarai buku-buku yang dilampirkan.
				10.	Kaedah melawan dan mengalahkan jin dan syaitan, kuliah 2. (1 jam 30 minit)	
3.	Ilmu dan Amalan Sihir	Membolehkan perawat mengenal pasti penyakit sama ada kesan sihir atau kesan-kesan lainnya.	Penjelasan mengenai definisi sihir dan konsepnya, latar belakang sejarah, kedudukannya, ciri-cirinya, perbezaannya dengan <i>karamah</i> dan <i>ma'unah</i> , cara dilakukan, kesannya dan jenis-jenis sihir dan hubungannya dengan penyakit.	15 jam		Buku Rujukan
				1.	Definisi dan konsep sihir, pembahagian dan cara-cara dilakukan. (1 jam 30 minit)	Buku pilihan dari senarai buku-buku yang dilampirkan.
				2.	Kesan sihir dan penderitaan manusia kerana sihir, perbezaannya dengan <i>karamah</i> dan <i>ma'unah</i> . (1 jam 30 minit)	
				3.	Pelbagai simpulan sihir. (1 jam 30 minit)	

UNIT	TAJUK	OBJEKTIF	KANDUNGAN KURSUS	LANGKAH-LANGKAH PERLAKSANAAN DAN MASA	ALAT BANTU PEMULIHAN DAN BAHAN RUJUKAN
				4. Saka dan hubungannya dengan sihir. (1 jam 30 minit)	Buku pilihan dari senarai buku-buku yang dilampirkan.
				5. Senario sihir dalam masyarakat, pelbagai ilmu dan amalan yang melibatkan sihir, kuliah 1. (1 jam 30 minit)	
				6. Senario sihir dalam masyarakat, pelbagai ilmu dan amalan yang melibatkan sihir, kuliah 2. (1 jam 30 minit)	
				7. Kaedah melawan sihir, kuliah 1. (1 jam 30 minit)	
				8. Kaedah melawan sihir, kuliah 2. (1 jam 30 minit)	

UNIT	TAJUK	OBJEKTIF	KANDUNGAN KURSUS	LANGKAH-LANGKAH PERLAKSANAAN DAN MASA		ALAT BANTU PEMULIHAN DAN BAHAN RUJUKAN
				9.	Pengaruh sihir dalam rawatan spiritual Islam (RSI), kuliah 1. (1 jam 30 minit)	Buku pilihan dari senarai buku-buku yang dilampirkan.
				10.	Pengaruh sihir dalam rawatan spiritual Islam (RSI), kuliah 2. (1 jam 30 minit)	
4	Refleksologi Spiritual Islam Secara Khusus.	Memperkasakan kefahaman dan kesedaran perawat mengenai keistimewaan, kemampuan dan keberkesanannya kaedah refleksologi Islam, berbanding dengan pelbagai kaedah rawatan Islam yang lain seumpama ruqyah sahaja.	Penjelasan keberkesanannya pukulan atau ketukan ranting nona atau lainnya, walaupun secara perlakuan yang dikombinasikan dengan solat taubat, solat hajat, zikir, muraqabah, bacaan al-Quran dan doa secara <i>jihar</i> maupun <i>khafi</i> .	15 jam		Buku Rujukan
				1.	Keterangan kaedah pemeriksaan terhadap pelatih untuk didiagnosiskan dan etika yang berkaitan, kuliah 1. (1 jam 30 minit)	Buku pilihan dari senarai buku-buku yang dilampirkan.
				2.	Keterangan kaedah pemeriksaan terhadap pelatih untuk didiagnosiskan dan etika yang berkaitan, kuliah 2. (1 jam 30 minit)	

UNIT	TAJUK	OBJEKTIF	KANDUNGAN KURSUS	LANGKAH-LANGKAH PERLAKSANAAN DAN MASA		ALAT BANTU PEMULIHAN DAN BAHAN RUJUKAN
				3.	Kaedah mengenal pasti bahagian tubuh pelatih yang hendak dipukul atau diketuk dan etika mengenainya, kuliah 1. (1 jam atau 30 minit)	Buku pilihan dari senarai buku-buku yang dilampirkan.
				4.	Kaedah mengenal pasti bahagian tubuh pelatih yang hendak dipukul atau diketuk dan etika mengenainya, kuliah 2. (1 jam 30 minit)	
				5.	Keterangan mengenai kaedah pukulan atau ketukan dan etika mengenainya, kuliah 1. (1 jam 30 minit)	
				6.	Keterangan mengenai kaedah pukulan atau ketukan dan etika mengenainya, kuliah 2. (1 jam 30 minit)	

UNIT	TAJUK	OBJEKTIF	KANDUNGAN KURSUS	LANGKAH-LANGKAH PERLAKSANAAN DAN MASA		ALAT BANTU PEMULIHAN DAN BAHAN RUJUKAN
				7.	Keterangan mengenai kewaspadaan perawat untuk terus duduk dalam keadaan tawakal dan taqwa, zikir dan muraqabah tanpa lalai dan jauh tergelincir dari landasan akidah dan syariat. (1 jam 30 minit)	Buku pilihan dari senarai buku-buku yang dilampirkan.
				8.	Keterangan mengenai kecergasan, keikhlasan dan sifat kreativiti dalam merawat dan membantu memberi sokongan moral dan spiritual kepada orang yang dirawat dan saudara mara yang hadir bersama. (1 jam 30 minit)	
				9.	Keterangan kaedah mengenai mandi dengan ais, air doa, limau nipis dan garam. (1 jam 30 minit)	
				10.	Penerangan mengenai solat taubat, solat hajat, zikir, muraqabah, bacaan ayat-ayat al-quran dan doa. (1 jam 30 minit)	

UNIT	TAJUK	OBJEKTIF	KANDUNGAN KURSUS	LANGKAH-LANGKAH PERLAKSANAAN DAN MASA	ALAT BANTU PEMULIHAN DAN BAHAN RUJUKAN
				(6 bulan latihan di Manarah)	Bahan Amali
5.	Amali Rawatan Spiritual Islam (RSI)	Mendapatkan asas kemahiran amali rawatan yang telah dipelajari. Ilmu dan kefahaman asas mengenai Anatomy Dan Hygine.	Menjalani amalan yang biasa dilakukan oleh pelatih perawat di pusat-pusat rawatan Islam Manarah terutamanya di Lorong Beringin, Batu 17, Kuang. Aktiviti amali meliputi: i. Semakan dan Latihan Merawat Pelatih Secara Praktikal; ii. Kursus Khas Mengenai Anatomy dan Hygine; iii. Keterangan berkaitan dengan bacaan Quran, doa dan selawat nabi yang telah diberi (dalam unit 1).	1. Latihan pemeriksaan pelatih untuk mendapatkan diagnosis yang tepat. 2. Latihan mengetuk pelatih yang mempunyai pelbagai penyakit.	i. Ranting nona, ii. Air yang telah dibacakan doa, iii. Garam, iv. Cuka makan, v. Limau nipis, vi. Lidi sate vii. Ais, viii. Lada hitam, ix. Sarung tangan, x. Kain sarung, xi. Tuala mandi dan lain- lain.
				(3 bulan latihan di Manarah)	Bahan Amali
6.	Latihan Lanjutan Rawatan Secara Intensif dan bersepadu	Meningkatkan kemahiran amali perawat pelatih dalam semua aspek, ketakwaan, kesabaran, keikhlasan, tawakal, keredhaan , kelembutan hati dan pelbagai sifat zahir dan batin.	i. Solat fardhu berjemaah lima waktu secara berterusan. ii. Berzikir, selawat nabi dan membaca ayat-ayat Quran tertentu dalam halaqah zikir, terutamanya selepas solat Isyak, Subuh, Zuhur dan Asar. iii. Menjaga disiplin khalwah	1. Latihan pemeriksaan pelatih untuk mendapatkan diagnosis yang tepat 2. Latihan mengetuk pelatih yang mempunyai pelbagai penyakit.	Buku / kertas kerja berkaitan khalwah

Modul Rawatan Spiritual Islam (RSI) Istitabah™

Langkah-langkah pelaksanaan dan masa (10 jam = 2 jam x 5 hari)

A. Program Melahirkan Perawat

1. Pengenalan Rawatan Spiritual Islam (Akidah Dan Syariah)

1.1 Perubatan Zaman Jahiliah (1 jam 30 minit)

- 1.1.1 Institusi kahin/kahinah (pawang/bomoh/dukun) berasal daripada kepercayaan dan amalan jahiliah. Tidak ada sama sekali diajarkan di dalam Islam. Malahan Islam memerangi habis-habisan apa-apa sahaja yang berkaitan dengan amalan tersebut.
- 1.1.2 Istilah-istilah lain yang berhubung rapat dengan kahin seperti ‘arraf (orang yang mendakwa mengetahui perkara yang ghaib), sahir (ahli sihir), al-munajjim (ahli tilik yang menggunakan panduan bintang), al-hariz (orang yang mendakwa tahu dan nampak yang ghaib) dan lain-lain istilah.
- 1.1.3 Seseorang kahin pada zaman jahiliah boleh melakukan kerja-kerja yang luar biasa dalam perubatan, tilik dan sebagainya dengan pertolongan jin atau syaitan.
- 1.1.4 Dalam Islam, orang yang menjadi kahin dianggap sebagai pendusta, banyak melakukan dosa dan amat bertentangan dengan sifat seorang mukmin yang sebenar.
- 1.1.5 Pengaruh kahin pada zaman jahiliah amat kuat dan meluas dalam kehidupan orang Arab, dan ia masih lagi wujud pada zaman awal Islam.
- 1.1.6 Keseluruhan institusi kahin tersebut berlawanan dengan prinsip-prinsip ajaran Islam. Oleh itu, Islam tetap menentang dan memeranginya bersungguh-sungguh.
- 1.1.7 Sejak dari zaman Nabi Muhammad s.a.w, Islam tidak pernah mengajar atau mensyariatkan institusi kahin.
- 1.1.8 Haram meniru atau mengambil kaedah-kaedah kahin untuk digunakan dalam rawatan. Nabi s.a.w bersabda yang bermaksud: “Sesiapa yang meniru perbuatan satu kaum maka ia adalah dari kalangan kaum tersebut.”
- 1.1.9 Ciri-ciri kahin yang penting.

1.2 Pawang dan Bomoh di Malaysia (1 jam 30 minit)

- 1.2.1 Definisi pawang dan bomoh; kesinambungan pawang dan bomoh dari pengaruh agama Hindu dan Buddha.
- 1.2.2 Pelbagai contoh dari pengaruh Hindu dan Buddha yang terdapat dalam amalan rawatan perbomohan atau rawatan tradisional Melayu.
- 1.2.3 Kesan dari pengaruh hukum dan akidah Islam dalam ilmu dan amalan perubatan perpawangan dan perbomohan.

- 1.2.4 Pengaruh institusi pawang dan bomoh dalam kalangan raja-raja dan pembesar.
- 1.2.5 Pentingnya mengenali ciri-ciri pawang dan bomoh.

1.3 Kekeliruan Masyarakat dalam Rawatan Spiritual Islam (1 jam 30 minit)

- 1.3.1 Penggunaan kayu pengukur yang salah dalam menentukan benar atau salahnya kaedah yang digunakan oleh seseorang perawat.
- 1.3.2 Kayu pengukur yang tepat.
- 1.3.3 Pelbagai amalan tilik-menilik.
- 1.3.4 Penggunaan sihir dan jenis-jenis sihir seperti hipnosis.
- 1.3.5 Pengeras.
- 1.3.6 Air jampi.
- 1.3.7 Tangkal azimat, wafa' dan ta'wiz.
- 1.3.8 Pantang larang yang pelik dan berlawanan dengan akidah dan syariat.
- 1.3.9 Kaedah perbomohan.
- 1.3.10 Perbuatan atau rawatan dari jauh dan tangkap jin.

1.4 Kedudukan dan Peranan Rasulullah dalam Perubatan (1 jam 30 minit)

- 1.4.1 Langkah dan tindakan Rasulullah s.a.w memerangi kaedah rawatan jahiliah.
- 1.4.2 Tumpuan masyarakat kepada Rasulullah s.a.w dan kegigihan baginda memperkenalkan pelbagai kaedah rawatan Islam.
- 1.4.3 Pusat rawatan Rasulullah s.a.w berdasarkan sirah dan koleksi hadis.
- 1.4.4 Usaha menimbulkan motivasi Rasulullah s.a.w kepada pelatih untuk meyakinkan diri seperti yang terdapat di dalam hadis.
- 1.4.5 Kewajipan berubat.
- 1.4.6 Rasulullah s.a.w menekankan pentingnya hubungan tiga perkara dalam akidah ahli sunnah wa al-jama'ah (*sabab, musabbab* dan *musabbib al-asbab*). Rasulullah juga menjaga syariat dan menjauahkan apa yang diharamkan.
- 1.4.7 Keistimewaan dan kepentingan rawatan Islam berbanding dengan kaedah *allopathy*.

1.5 Konsep Penyakit dan Rawatan (1 jam 30 minit)

- 1.5.1 Dalam Islam penyakit meliputi dua aspek; penyakit jasmani dan penyakit rohani, keterangan serta dalilnya terdapat di dalam al-Quran dan hadis.
- 1.5.2 Penyakit rohani lebih berbahaya dan kesannya lebih kekal dan lebih besar dari penyakit jasmani, rawatannya juga adalah lebih sukar.
- 1.5.3 Penyakit adalah fenomena qada' dan qadar Allah seperti juga sihat dan afiat adalah fenomena qada' dan qadar-Nya. Bezanya, penyakit adalah fenomena dari sifat-sifat *Jalal*-Nya sedangkan sihat adalah fenomena sifat-sifat *Jamal*-Nya.
- 1.5.4 Kaedah menghadapi penyakit dan usaha rawatannya iaitu dengan sentiasa bersabar, berdoa dan memperbanyakkan solat.
- 1.5.5 Sejarah tokoh-tokoh terkenal dalam Islam yang telah ditimpa oleh pelbagai jenis penyakit di antaranya nabi Allah Ayyub.
- 1.5.6 Bagaimana mahu menghayati sebenar-benar penghayatan bahawa sihat dan sakit adalah sama.
- 1.5.7 Menggunakan rawatan dan sebaik-baiknya yang direhui oleh Allah. Dari segi hukum hendaklah digunakan kaedah yang digunakan oleh Imam Sayuti yang termaktub di dalam kitabnya *Tibb al-Nabawi* bahawa orang lelaki boleh merawat perempuan yang bukan mahram walaupun sampai kepada bahagian sulitnya.

2. Rahsia Jin dan Syaitan (15 jam)

2.1 Mengenal Jin dan Syaitan (1 jam 30 minit)

- 2.1.1 Asal kejadiannya, tubuh atau jasadnya, jenis-jenisnya, sifat-sifatnya, tempat tinggalnya, zuriatnya, masyarakat dan kumpulan atau kerajaan jin.
- 2.1.2 Perubahan bentuk-bentuk atau rupa-rupa jin, kekuatan dan kelemahan jin, hubungannya dengan manusia dan takrif agama.
- 2.1.3 Pelbagai pemikiran dan anggapan yang salah mengenai jin dan syaitan.
- 2.1.4 Hukum berkawan dan meminta bantuan dengan jin.
- 2.1.5 Adakah jin menghadapi kematian dan ditimpa penyakit seperti manusia?
- 2.1.6 Bolehkah manusia nampak jin?

2.2 Tipu daya dan Permusuhan Jin dan Syaitan Terhadap Manusia (1 jam 30 minit)

- 2.2.1 Jin dan syaitan suka menyakiti, membuli dan menipu manusia, namun sukar disedari oleh manusia. Banyak ayat-ayat al-Quran yang menegaskan tentang perkara ini, di antaranya ayat 16, surah al-A'raf.

2.2.2 Manusia yang biasanya mudah menjadi mangsa tipu daya syaitan iaitu manusia yang mengikut kehendak syaitan dan jin dan juga orang-orang yang sesat dari jalan Allah.

2.2.3 Kerjasama di antara jin dan syaitan dengan manusia.

2.2.4 Pelbagai keburukan kesan dari kerjasama antara jin dan syaitan dengan manusia.

2.2.5 Manusia tidak memerlukan bantuan dan pertolongan jin dan syaitan.

2.2.6 Hubungan jin dan syaitan dengan pelbagai ilmu dan amalan salah.

2.3 Hubungan Jin dan Syaitan dengan Pelbagai Penyakit (1 jam 30 minit)

2.3.1 Kemungkinan dan kewajaran jin dan syaitan menjadi punca pelbagai penyakit dan beberapa contoh sejarah dalam kehidupan manusia khasnya apa yang pernah berlaku di zaman Rasulullah s.a.w.

2.3.2 Benarkah jin dan syaitan itu virus dan kuman yang menjadi punca pelbagai penyakit? Pandangan almarhum Shaikh Muhammad Abduh dan Shaikh Rashid Reda.

2.3.3 Kerasukan dan kebenarannya dalam Islam.

2.3.4 Pelbagai jenis penyakit yang disebabkan oleh jin dan syaitan.

2.3.5 Kaedah mengenal penyakit yang disebabkan oleh jin dan syaitan.

2.4 Sebab-sebab Jin dan Syaitan Masuk Ke Tubuh Dan Menguasai Manusia (1 jam 30 minit)

2.4.1 Jin dan syaitan tidak mudah masuk ke tubuh manusia tanpa sebab kerana jin dan syaitan itu ada rasa takut kepada manusia. Orang yang dimasuki oleh jin dan syaitan sememangnya orang yang mengikut jin dan syaitan dan orang-orang yang sesat. (surah al-Hijr: 42).

2.4.2 Ada lima sebab jin dan syaitan masuk ke tubuh manusia yang menyebabkan pelbagai penyakit iaitu saka; masuk sendiri; sihir; ilmu salah yang dipelajari dan diamalkan; keterlibatannya dengan orang mendampingi jin dan syaitan seperti pawang, bomoh dan dukun.

2.4.3 Perincian lima sebab di atas adalah seperti berikut :

- i. Konsep saka dan akibatnya.
- ii. Pelbagai ilmu salah yang dituntut dan contoh-contohnya.
- iii. Jin dan syaitan masuk sendiri disebabkan ia suka atau sebaliknya ia marah dan contoh-contohnya.
- iv. Disebabkan sihir.
- v. Disebabkan selalu berdampingan dengan orang-orang yang bersahabat dengan jin dan syaitan. Sabda nabi yang bermaksud "Agama seseorang itu dikuasai oleh agama rakannya" dan contoh-contoh.

2.5 Kaedah Melawan dan Mengalahkan Jin dan Syaitan (1 jam 30 minit)

- 2.5.1 Bertaqwa dan bertawakal. Allah berfirman yang bermaksud: “*Sesiapa yang bertaqwa kepada Allah, maka Allah akan berikannya jalan keluar (dan masalah yang dihadapi). Dan sesiapa yang bertawakal kepada Allah maka cukuplah Allah menjadi tempat pergantungannya. Sesungguhnya Allah telah menentukan kadar bagi tiap-tiap sesuatu*”. (surah at-Talaq:2-3).
- 2.5.2 Menggunakan bahan-bahan yang ditakuti dan menjadi pantang jin dan syaitan seperti yang masin dan yang masam dan lain-lain bahan.
- 2.5.3 Menggunakan ruqyah syar'iyyah.
- 2.5.4 Menggunakan tepukan, cubitan, pukulan dan sebagainya kerana tubuh jin dan syaitan seperti angin, bila berada di bawah kulit dan dipukul atau ditepuk maka angin jin dan syaitan itu boleh pecah dan boleh menyebabkan kesakitan hingga boleh membawa kepada kematian jin dan syaitan.
- 2.5.5 Dengan siraman air batu atau apa sahaja air yang sangat sejuk untuk dimandikan dan dijirus dari kedudukan yang tinggi, direndamkan dengan air sejuk pada tempat yang dihuni oleh jin, dengan cara meminumkan air batu. (surah al-Sad: 41-42)

3. Ilmu dan Amalan Sihir (15 Jam)

3.1 Konsep Sihir dan Cara-cara Dilakukan (1 jam 30 minit)

- 3.1.1 Perbuatan jahat manusia dengan bantuan jin dan syaitan, sesudah manusia yang ditolong oleh jin dan syaitan itu memenuhi syarat yang diberikan oleh jin dan syaitan tersebut.
- 3.1.2 Simpulan sihir
- 3.1.3 Dengan cara memuja.
- 3.1.4 Dengan menerusi angin.
- 3.1.5 Menerusi makan dan minum.
- 3.1.6 Menerusi pandangan mata.
- 3.1.7 Menerusi sentuhan dan urutan.
- 3.1.8 Menerusi kemenyan, asap rokok dan sebagainya.

3.2 Kesan Sihir (1 jam 30 minit)

- 3.2.1 Ada tiga pandangan ulama'; pertama: kesan sihir benar-benar berlaku dan bukan khayalan. Kedua: ada yang berpendapat, kesan sihir tidak berlaku, hanya khayalan. Ketiga (yang paling tepat): ada sihir benar-benar berlaku dan ada sihir khayalan semata-mata, dan contoh-contohnya:

- Sihir pukau.
- Sihir membunuh.
- Sihir untuk menyakiti menjadikan seseorang itu menderita dengan pelbagai jenis penyakit.
- Sihir santau.
- Sihir gila.
- Sihir cerai berai.
- Sihir kasih.

3.2.2 Realiti kerosakan dan penderitaan manusia disebabkan sihir dan contoh-contohnya menerusi pengalaman.

3.3 Perbezaan Antara Sihir Dengan Karamah Dan Ma'unah (1 jam 30 minit)

- 3.3.1 Karamah dan ma'unah berlaku pada orang yang baik lagi soleh tetapi sihir berlaku pada orang yang jahat.
- 3.3.2 Karamah dan ma'unah datangnya daripada Allah sebagai kurnia dan rahmat daripada Allah sementara sihir adalah datangnya daripada pertolongan jin dan syaitan.
- 3.3.3 Karamah dan ma'unah berlaku sesekali sebaliknya sihir berlaku kerap kali sehingga kekal menjadi sifat dan kebolehan seseorang.
- 3.3.4 Karamah dan ma'unah tidak boleh dipertontonkan, diprogramkan sebaliknya sihir boleh dilakukan sedemikian.
- 3.3.5 Karamah dan ma'unah berlakunya mendadak mengikut kehendak Allah tidak boleh dijangka tetapi sihir boleh dijangka masa berlakunya.
- 3.3.6 Karamah dan ma'unah tidak hilang dengan apa-apa sebab sementara sihir boleh hilang dengan sebab tertentu sebab itu banyak pantang larang yang dikenakan oleh ahli sihir.
- 3.3.7 Dalam jangka masa panjang sihir akan membahayakan diri dunia dan akhirat tetapi karamah dan ma'unah sebaliknya memuliakan diri di dunia dan akhirat.
- 3.3.8 Ciri-ciri sifat orang yang dapat karamah dan ma'unah berbeza dengan ciri-ciri sifat ahli sihir. Perbezaan ini hanya akan dapat diketahui oleh orang-orang tertentu. Pandangan dan pertimbangan orang awam tidak akan dapat digunakan untuk membuat penilaian.

3.4 Pelbagai Ilmu dan Amalan yang Melibatkan Sihir

- 3.4.1 Pelbagai seni mempertahankan diri seperti persilatan, ilmu kebal, ilmu kuat, taekwondo, taichi dan sebagainya.
- 3.4.2 Pelbagai ilmu yang berkait dengan kecantikan untuk lelaki mahupun perempuan.
- 3.4.3 Pelbagai kaedah perubatan tradisional Melayu.
- 3.4.4 Tangkal azimat.

- 3.4.5 Pelbagai jenis tarian dan seni tradisional Melayu seperti mak yong, wayang kulit, manura, nobat, gabus, kuda kepang dan sebagainya.
- 3.4.6 Pelbagai amalan adat tradisional Melayu seperti turun buaian, turun tanah, puja sawah, menyemah kampung dan sebagainya.
- 3.4.7 Amalan salah guna ayat al-Quran, selawat nabi dan sebagainya. Contohnya: membaca ayat dari surah Luqman sambil menggoreng batu bertujuan untuk memulangkan barang yang hilang.

3.5 Kaedah Melawan Sihir (1 jam 30 minit)

- 3.5.1 Mesti diketahui pada asasnya jenis sihir yang hendak diubat barulah langkah rawatannya dibuat. Usaha ini adalah sangat sukar sehingga selalu berlaku bukan sebab sihir dikatakan sebab sihir.
- 3.5.2 Merawat pelatih kerana simpulan sihir. Hendaklah dimusnahkan terlebih dahulu simpulan sihir tersebut. Tangkal azimat adalah merupakan salah satu jenis simpulan sihir.
- 3.5.3 Sihir yang dikenakan melalui makanan atau minuman, cara mengubatnya pelatih hendaklah diberi minum perahan air limau nipis (3 biji atau lebih) yang dimasukkan ke dalamnya garam halus (1 sudu besar atau lebih) dan dibacakan ayat dan doa. Air tersebut hendaklah diminum pelatih sekaligus. Adalah lebih baik selepas itu pelatih dirawat dengan cara refleksologi Rawatan Spiritual Islam (RSI).
- 3.5.4 Jika sihir itu dilakukan secara pemujaan, ia boleh dirawat seperti biasa tetapi perlu diberitahu kepada pelatih atau keluarganya bahawa sihir jenis ini sukar diubat dan memerlukan masa yang panjang. Perawat mestilah meyakinkan pelatih dan keluarganya supaya berani dan yakin untuk terus berubat sehinggalah pemujaan tersebut dihentikan.
- 3.5.5 ‘Sihir transit’ hendaklah dirawat orang yang pertama yang menerima sihir itu.
- 3.5.6 Sihir yang disebabkan oleh pukau, pelatih itu hendaklah disembur matanya dengan lada hitam yang telah dikunyah separuh hancur dan dibacakan ayat dan doa.
- 3.5.7 Simpulan sihir yang dihantar dalam bentuk hadiah/barang (makanan, pakaian dan sebagainya) barang-barang tersebut hendaklah dimusnahkan terlebih dahulu.
- 3.5.8 Semua rawatan sihir hendaklah diakhiri dengan mandi ais.

4. Penerangan Mengenai Kaedah Diagnosis (15 jam)

4.1 Kaedah Diagnosis (1 jam 30 minit)

- 4.1.1 Persiapan yang perlu disediakan: Bantal, tikar, kain (selimut), kayu penyepit seperti lidi sate atau mana-mana ranting kayu yang kecil.
- 4.1.2 Pelatih hendaklah disuruh duduk sambil melunjurkan kaki sambil merapatkan kedua-dua kaki. Hendaklah disuruh pelatih itu dengan kedua-dua tangan mencapai hujung kaki. Hendaklah diperhatikan samada pelatih boleh melakukannya atau tidak.

- 4.1.3 Selepas itu pelatih hendaklah disuruh berbaring dengan kedua-dua tangan lurus. Kain hendaklah digunakan untuk menutup badan pelatih. Kemudian hendaklah dipegang perut pelatih dengan kedua-dua belah tangan di bahagian atas perut, bawah perut dan tengah perut. Hendaklah diperhatikan keras atau lembutnya, sakit atau tidaknya perut pelatih ketika dipegang. Selepas itu, hendaklah dipegang bahagian pangkal paha kiri dan kanan sama ada keras atau tidak. Sesudah itu, pelatih itu hendaklah disuruh meniarap untuk pemeriksaan bahagian punggung. Pemeriksaan punggung dibuat dengan 3 cara. Pertama dengan cara pegangan. Kedua dengan cara menekan dengan menggunakan batang kayu di beberapa tempat. Ketiga dengan cara memukul secara perlahan sekali dua.
- 4.1.4 Cara sepitan di celah-celah kesemua jari kaki dengan menggunakan dua batang ranting kecil atau pangkal lidi sate sambil membaca surah Al-Fussilat ayat 29. Sekiranya tiada apa-apa kesan sakit yang dirasai pelatih maka hendaklah dibuat provokasi dengan cara ditepuk di bahagian pelipat tangan kanan beberapa kali dan diulang semula sepitan di celah jari-jari kaki.
- 4.1.5 Kaedah picitan dengan menggunakan jari tangan dan tekanan melalui tapak tangan. Bahagian-bahagian yang biasanya dipicit adalah
di bahagian kedua-dua belah bawah telinga termasuklah bahagian bawah dagu, di bahagian kedua-dua bahu di bahagian urat besar, di kedua-dua bahagian bawah lengan sebelah dalam, di kedua-dua bahagian bawah paha sebelah dalam, di kedua-dua bahagian pinggang, di kedua-dua bahagian celah jari antara jari telunjuk dengan ibu jari dan di bawah ketiak.
- 4.1.6 Kaedah menjentik jari-jari tangan.
- 4.1.7 Dengan cara mencium bau nafas dan bau tubuh badan pelatih.
- 4.1.8 Dengan cara memeriksa suhu badan dengan menggunakan tapak tangan sama ada sejuk atau panas di kawasan dahi, tengkuk, kepala, belakang badan, paha, lutut dan tapak kaki.
- 4.1.9 Dengan cara menyoal selidik pelatih atau keluarganya dengan menanyakan perkara-perkara seperti berikut:
- Berapa lamakah penyakit itu telah menyerang?
 - Adakah terdapat anggota keluarga yang lain mengidap penyakit yang sama atau penyakit-penyakit yang lain?
 - Apakah pekerjaan dan khidmat masyarakat ayah, emak, datuk dan nenek sehingga ke atas?
 - Adakah pelatih ada menyimpan apa juga barang peninggalan keluarga sama ada yang masih hidup ataupun yang telah meninggal dunia?
 - Adakah pelatih belajar apa-apa juga ilmu yang diragui kebenarannya seperti ilmu kebal, pelbagai ilmu seni budaya sama ada warisan bangsa seperti silat, tari menari, perubatan tradisional, mempertahankan diri mahupun yang dibawa masuk dari luar negara seperti taekwondo, taichi, yoga (senaman pak subut) dan sebagainya?
 - Adakah pelatih telah mendapat rawatan dari mana-mana pusat rawatan tradisional ataupun hospital/klinik dan apakah hasil diagnosisnya?
 - Adakah pelatih memakai tangkal azimat, ‘pagar rumah’, menyimpan air jampi?
 - Apakah hobi pelatih dan perkara-perkara yang berkaitan dengan hobi dan gaya hidup?
 - Adakah pelatih terdengar bisikan ataupun suara, ternampak-nampak sesuatu seperti bayangan orang atau lembaga seperti binatang, budak, mayat atau sebagainya ketika jaga atau tidur?

4.2 Sembahyang Taubat, Sembahyang Hajat, Wirid, Berzikir dan Berdoa (1 jam 30 minit)

- 4.2.1 Perawat hendaklah solat taubat untuk diri dan pelatih dengan cara berniat agar Allah ampunkan dosa diri dan pelatih biarpun macam mana besar dan banyaknya dosa (rakaat pertama Surah Al-Insyirah, rakaat kedua Surah Al-Ikhlas, bacaan ketika sujud yang akhir ialah tasbih nabi Allah Yunus A.S seperti yang terdapat dalam al-Quran sebanyak 40 atau 41 kali).
- 4.2.2 Perawat hendaklah solat hajat agar Allah segerakan dan mudahkan kesembuhan pelatih (rakaat pertama Surah Al-Insyirah, rakaat kedua Surah Al-Ikhlas bacaan ketika sujud yang akhir ialah ayat 5 Surah Al-Fatiyah sebanyak 40 atau 41 kali sambil dibayangkan Allah telah sembuhkan pelatih).
- 4.2.3 Perawat hendaklah berdoa untuk meminta perlindungan dan keselamatan (doa qunut dan tolak bala).
- 4.2.4 Perawat hendaklah sentiasa berada dalam keadaan zikrullah dan muraqabah, tawakal dan berserah kepada Allah.
- 4.2.5 Perawat mestilah berada dalam keadaan suci dari segala hadas, tubuh badan, pakaian dan berwuduk.
- 4.2.6 Perawat mestilah menjaga adab dan tatatertib, jangan menghiraukan provokasi oleh pelatih, jangan banyak bercakap, ketawa, bersikap sombong dan sebagainya.
- 4.2.7 Perawat hendaklah kreatif dengan mempelbagaikan kaedah rawatan yang digunakan dan sentiasa cergas berfikir.

4.3 Keberkesanan Penggunaan Bahan-bahan dan Alat-alat yang Digunakan dalam Rawatan. (1 jam 30 minit)

- 4.3.1 Air cuka yang dicampur dengan garam hendaklah disapukan pada anggota yang telah dikenal pasti wujudnya unsur penyakit demikian juga pukulan hendaklah dipukul tepat di tempat sepatutnya. Jika bahan-bahan tersebut sudah kering, hendaklah disapukan semula.
- 4.3.2 Pukulan mestilah dilakukan dengan cara yang mantap, tidak mengambang, hendaklah ditentukan kesan pukulan itu telah membinasakan unsur penyakit dengan cara meletakkan tapak tangan di tempat yang dipukul untuk menentukan sama ada masih panas ataupun sebaliknya. Sekali-sekala selepas itu hendaklah diperiksa semula suhu kepanasan tempat itu.
- 4.3.3 Perawat hendaklah terlebih dahulu menentukan mana-mana bahagian anggota yang perlu dipukul dan perlu disapukan air cuka dan garam selepas pemeriksaan dibuat.
- 4.3.4 Perawat hendaklah selalu melakukan pemeriksaan semula dengan cara-cara yang telah disebutkan di atas supaya dapat meyakinkan pelatih mengenai keberkesanan rawatan yang dibuat. Selain daripada itu, ianya akan dapat menjadi panduan untuk perawat bagi meneruskan rawatan.
- 4.3.5 Perawat hendaklah selalu mengalihkan kedudukan pelatih jika perlu, jangan dibiarkan berbaring atau duduk sahaja.
- 4.3.6 Perawat hendaklah menyuruh pelatih, sahabat handai atau ahli keluarga yang ada di sekeliling untuk beristighfar.
- 4.3.7 Perawat hendaklah menyuruh rakan atau saudara-mara yang ada di sekeliling untuk memberikan sokongan dan galakan kepada pelatih.

- 4.3.8 Jika pelatih itu dijangka akan bertindak agresif, maka perawat hendaklah meminta bantuan dari beberapa orang yang diperlukan. Pelatih itu hendaklah diikat dengan empat helai kain semasa sedar secara sukarela dirinya. Kemudian jika perlu, hendaklah dimasukkan empat batang ranting ke celah jari kaki kanan pelatih lalu digenggam dengan kedua belah tangan yang menyebabkan pelatih akan merasa kesakitan yang kesangatan. Tujuan utamanya ialah untuk melemahkan makhluk halus yang ada di dalam badan pelatih.

4.4 Pesanan Perawat Kepada Pelatih (1 jam 30 minit)

- 4.4.1 Perawat hendaklah memberitahu pelatih supaya datang semula tidak lewat daripada tujuh (7) hari. Sebaik-baiknya adalah selepas dua tiga hari. Hendaklah diterangkan juga jika melebihi tujuh (7) hari maka penyakit itu akan kembali semula ke tempat asal.
- 4.4.2 Perawat hendaklah mengingatkan pelatih dengan jelas pantang larang yang penting seperti tidak boleh bertemu dengan pawang atau bomoh, berurut, mandi air panas atau suam, menyapu minyak-minyak panas atau menyapu krim pada bahagian yang dirawat. Sekiranya pelatih ingin mengatasi masalah kegatalan, bengkak atau lebam atau sebagainya bolehlah disapu dengan garam halus yang telah dicampur dengan air cuka dan limau nipis atau dituam dengan ais batu.
- 4.4.3 Perawat juga hendaklah mengingatkan pelatih supaya mencari apa-apa barang larangan yang mungkin ada tersimpan di rumah seperti tangkal azimat, air jampi, barang-barang pusaka seperti keris, pedang, cincin, barang-barang tembaga dan sebagainya supaya dimusnahkan atau dibawa ke pusat rawatan.
- 4.4.4 Perawat juga hendaklah menyuruh pelatih supaya membawa emak, ayah, datuk atau nenek (jika masih hidup) sekiranya penyakit yang dideritai adalah disebabkan saka. Perawat hendaklah berpesan supaya memperbanyakkan solat taubat, solat hajat, berzikir, wirid dan membaca al-Quran terutamanya surah Ar-Ra'd, ayat Manzil atau ayat 33, selawat Nabi, doa-doa Ma'thurat terutamanya doa qunut jika mampu membacanya sebanyak 13 kali.

4.5 Pelbagai Kesalahan yang Mesti Dielakkan Sebelum, Semasa dan Sesudah Rawatan (1 jam 30 minit)

- 4.5.1 Perawat hendaklah mengelakkan diri daripada bercakap apa juga perkara atau masalah yang boleh menyentuh peribadi dan melemahkan semangat pelatih atau keluarga. Sebaliknya perawat hendaklah memberikan galakan, sokongan dan semangat.
- 4.5.2 Perawat tidak boleh bersikap kasar, marah-marah, bersuara tinggi dan sebagainya (berdasarkan ayat 159 Surah ali Imran).
- 4.5.3 Perawat tidak boleh memukul tempat-tempat yang sensitif seperti muka dan dahi kecuali mendapat izin yang jelas daripada pelatih atau keluarga terutamanya bagi pelatih yang datang kali pertama.
- 4.5.4 Perawat tidak boleh membiarkan aurat pelatih terdedah dan tidak boleh membenarkan orang yang tidak berkenaan masuk ke dalam bilik rawatan.

5. Kaedah Menghadapi Serangan Makhluk Halus

PENDAHULUAN

Banyak kaedah yang boleh kita gunakan untuk menghadapi pelbagai serangan makhluk halus iaitu jin atau syaitan. Serangan makhluk halus menerusi sihir atau apa juga faktor yang mendorong jin atau syaitan menyerang manusia insya Allah dapat dipatahkan dengan kaedah-kaedah yang telah diguna dan diajarkan oleh Rasulullah s.a.w. Kita boleh pelajari kaedah-kaedah tersebut dari alim ulama yang biasa dan mahir dengan ilmu dan amalan tersebut. RSI Istitabah menggunakan dua kaedah didasarkan kepada apa yang telah digunakan oleh Rasulullah s.a.w. Kaedah yang pertama ialah kaedah ruqyah dengan membacakan ayat-ayat al-Quran, doa dan selawat nabi dalam kaedaan penuh *bermuraqabah* kepada Allah. Kaedah kedua ialah ruqyah tersebut dikombinasikan dengan ketukan perlahan-lahan dengan menggunakan apa juga ranting kayu atau rotan yang kecil.

Kedua-dua kaedah tersebut dapat kita lihat dan fahami seperti di bawah ini.

PERTAMA: KADEAH RUQYAH

Ayat-ayat al-Quran dan doa-doa yang asas yang mesti dibaca dan dihafaz ialah seperti berikut:

- i. Hendaklah bertahlil sebanyak yang terdaya selepas solat fardhu lima waktu. Kalau boleh selepas Subuh hendaklah dibuat tahlil sebanyak 1,000 kali. Diikuti dengan *dhikir ismu dhat Allah... Allah... Allah... 1,000 kali*, sambil *tafakurkan wujudnya Allah*.
- ii. Hendaklah dimulakan dengan mengerjakan solat taubat dua rakaat dan diikuti dengan solat hajat dua rakaat. Kemudian berdoa dengan doa yang sesuai dengan hajat masing-masing.
- iii. Selepas itu hendaklah istighfar dengan menyebut *استغفِر اللَّهُ* sebanyak 70 kali.
- iv. Hendaklah dibaca:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ . بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً رَسُولُ اللَّهِ
لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ يَا كَرِيمُ.
اللَّهُمَّ يَا رَحْمَنُ يَا رَحِيمُ يَا بَدِيعَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ يَا مَالِكَ الْمُلْكِ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ يَا قَوِيُّ يَا عَزِيزُ يَا فَتَّاحُ يَا وَهَابُ يَا
عَلِيمُ يَا حَكِيمُ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ يَا أَللَّهُ يَا لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ.

v. Bertawasul seperti berikut:

إِلَى حَضْرَةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى أَرْوَاحِ أَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ وَاصْحَابِهِ وَالْتَّابِعِينَ وَتَابِعِ التَّابِعِينَ هُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ
ثُمَّ إِلَى أَرْوَاحِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَالْمَلَائِكَةِ الْمُقَرَّبِينَ وَإِلَى أَرْوَاحِ مَشَائِخِنَا وَمُعَلِّمِنَا وَآبَائِنَا وَأَمَهَاتِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، الْفَاتِحةُ.

vi. Setelah itu barulah dibaca Manzil seperti di bawah:

Al-Fatihah: 1-7

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ۝ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ۝ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ ۝ إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ۝
أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ۝ صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ ۝

Surah Al- Baqarah: 1-5

الَّمِ ۝ ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبٌ فِيهِ هُدَى لِلْمُتَّقِينَ ۝ الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ ۝
وَالَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِمَا أُنْزِلَ إِلَيْكَ وَمَا أُنْزِلَ مِنْ قَبْلِكَ وَبِالْآخِرَةِ هُمْ يُوقِنُونَ ۝ أُولَئِكَ عَلَى هُدَى مِنْ رَبِّهِمْ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ۝

Surah Al-Baqarah: 163

وَإِلَهُكُمْ إِلَهٌ وَاحِدٌ لَا إِلَهٌ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ ۝

Surah Al-Baqarah: 255-257

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ لَهُ وَمَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ وَإِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسَعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ حَفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾ لَا إِكْرَاهٌ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشُدُ مِنَ الْغَيِّ فَمَنْ يَكُفُرُ بِالظَّاغُوتِ وَيُؤْمِنُ بِاللَّهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرُورَةِ الْوُثْقَى لَا أَنْفَاصَ لَهَا وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلَيْمٌ ﴿٢٥٦﴾ اللَّهُ وَلِيُّ الَّذِينَ ظَاهَرُوا مُجْرِمُهُمْ مِنَ الظُّلْمَاتِ إِلَى النُّورِ وَالَّذِينَ كَفَرُوا أُولَئِكُمُ الظَّاغُوتُ يُخْرِجُونَهُمْ مِنَ النُّورِ إِلَى الظُّلْمَاتِ أُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٢٥٧﴾

Surah Al-Baqarah: 284-286

لِلَّهِ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَإِنْ تُبْدُوا مَا فِي أَنفُسِكُمْ أَوْ تُخْفُوهُ يُحَاسِبُكُمْ بِهِ اللَّهُ فَيَغْفِرُ لِمَنْ يَشَاءُ وَيَعِذِّبُ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٨٤﴾ إِنَّمَا أَنْزَلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلُّ إِيمَانٍ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَرَبِّهِ وَرُسُلِهِ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِنْ رُسُلِهِ وَقَالُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا صُدُورَنَا رَبَّنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ ﴿٢٨٥﴾ لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا أَكْتَسَبَتْ رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِنْ نَسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْ عَلَيْنَا إِصْرًا كَمَا حَمَلْتُهُ وَعَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِنَا رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ وَأَعْفُ عَنَّا وَأَغْفِرْ لَنَا وَأَرْحَمْنَا أَنْتَ مَوْلَانَا فَانْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكُفَّارِينَ ﴿٢٨٦﴾

Surah Ali-'Imran: 18

شَهَدَ اللَّهُ أَنَّهُ وَلَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ وَأُولُو الْعِلْمِ قَائِمًا بِالْقِسْطِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿١٨﴾

Surah Ali-'Imran: 26-27

قُلْ اللَّهُمَّ مَنْ لِكَ الْمُلْكُ تُؤْتِي الْمُلْكَ مَنْ تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمُلْكَ مِمَّنْ تَشَاءُ وَتُعِزُّ مَنْ تَشَاءُ وَتُذِلُّ مَنْ تَشَاءُ بِيْدِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ تُولِجُ الْأَيْلَ فِي النَّهَارِ وَتُولِجُ النَّهَارَ فِي الْأَيْلِ ۝ وَتُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ وَتُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ وَتَرْزُقُ مَنْ تَشَاءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ ۝

Surah Al-A'raf: 54-56

إِنَّ رَبَّكُمْ أَللَّهُ أَلَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ أَسْتَوَى عَلَى الْعَرْشِ يُعْشِي الْأَيْلَ النَّهَارَ يَظْلِبُهُ وَحَثِيشًا وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ وَالنُّجُومَ مُسَخَّرَاتٍ بِإِمْرِهِ ۝ أَلَا لَهُ الْخَلْقُ وَالْأَمْرُ تَبَارَكَ أَللَّهُ رَبُّ الْعَالَمِينَ ۝ أَدْعُوكُمْ تَضَرُّعًا وَخُفْيَةً إِنَّهُ وَلَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ ۝ وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَادْعُوهُ حَوْفًا وَطَمَعًا إِنَّ رَحْمَتَ أَللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ ۝

Surah Al-Isra': 110-111

قُلْ أَدْعُوكُمْ أَللَّهَ أَوْ أَدْعُوكُمْ الرَّحْمَنَ ۝ أَيَّا مَا تَدْعُوا فَلَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَى ۝ وَلَا تَجْهَرْ بِصَلَاتِكَ وَلَا تُخَافِتْ بِهَا وَأَبْتَغِ بَيْنَ ذَلِكَ سَيِّلًا ۝ وَقُلْ الْحَمْدُ لِلَّهِ أَلَّذِي لَمْ يَتَخِذْ وَلَدًا وَلَمْ يَكُنْ لَّهُ وَشَرِيكٌ فِي الْمُلْكِ وَلَمْ يَكُنْ لَّهُ وَلِيٌّ مِّنَ الْأَذْلِ وَكَبِيرٌ تَكْبِيرًا ۝

Surah Al-Mukminun: 115-118

أَفَحَسِبْتُمْ أَنَّمَا خَلَقْنَاكُمْ عَبَثًا وَأَنَّكُمْ إِلَيْنَا لَا تُرْجَعُونَ ۝ فَنَعَلَى اللَّهِ الْمَلِكِ الْحُقْقُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْكَرِيمِ ۝ وَمَنْ يَدْعُ مَعَ أَللَّهِ إِلَّا هَا ءَاخَرَ لَا بُرْهَنَ لَهُ وَبِهِ فَإِنَّمَا حِسَابُهُ وَعِنْدَ رَبِّهِ إِنَّهُ وَلَا يُفْلِحُ الْكَفَرُونَ ۝ وَقُلْ رَبِّ أَغْفِرْ وَأَرْحَمْ وَأَنَّتَ خَيْرُ الْرَّاحِمِينَ ۝

Surah Al-Saffat: 1-11

وَالصَّافَتِ صَفَا ① فَاللَّزِجَاتِ رَجَراً ② فَالْتَّلِيَتِ ذَكْرًا ③ إِنَّ إِلَهَكُمْ لَوَاحِدٌ ④ رَبُّ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا وَرَبُّ
الْمَشْرِقِ ⑤ إِنَّا زَيَّنَاهُ السَّمَاءَ الدُّنْيَا بِزِينَةٍ الْكَوَاكِبِ ⑥ وَحِفْظًا مِنْ كُلِّ شَيْطَانٍ مَارِدٍ ⑦ لَا يَسْمَعُونَ إِلَى الْمَلِإِ الْأَعْلَى وَيُقَذَّفُونَ مِنْ
كُلِّ جَانِبٍ ⑧ دُحُورًا وَلَهُمْ عَذَابٌ وَاصْبُ ⑨ إِلَّا مَنْ خَطَفَ الْخَطْفَةَ فَأَتَبْعَهُ وَشَهَابٌ ثَاقِبٌ ⑩ فَاسْتَفْتِهِمْ أَهُمْ أَشَدُ خَلْقًا أَمْ مَنْ
خَلَقَنَا إِنَّا خَلَقْنَاهُمْ مِنْ طِينٍ لَّا زِبٌ ⑪

Surah Al-Rahman: 33-35

يَمْعَشَرَ الْجِنِّ وَالْإِنْسِ إِنِ اسْتَطَعْتُمْ أَنْ تَنْفُذُوا مِنْ أَفْظَارِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ فَانْفُذُوا لَا تَنْفُذُونَ إِلَّا بِسُلْطَنٍ ⑬ فِيَّ إِلَاءِ رَبِّكُمَا
تُكَذِّبَانِ ⑭ يُرْسَلُ عَلَيْكُمَا شُوَاظٌ مِنْ نَارٍ وَنُحَاسٌ فَلَا تَنْتَصِرَانِ ⑮

Surah Al-Hashr: 21-24

لَوْ أَنَّرَلَنَا هَذَا الْقُرْءَانَ عَلَى جَبَلٍ لَرَأَيْتُهُ وَخَلَّشَعًا مُتَصَدِّعًا مِنْ خَشْيَةِ اللَّهِ وَتَلَكَ الْأَمْثَلُ نَضَرَبُهَا لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ⑯ هُوَ اللَّهُ
الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلِمُ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ ⑰ هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْمَلِكُ الْقُدُوسُ السَّلَمُ الْمُؤْمِنُ الْمُهَمِّمُ
الْعَزِيزُ الْجَبَارُ الْمُتَكَبِّرُ سُبِّحَنَ اللَّهَ عَمَّا يُشْرِكُونَ ⑱ هُوَ اللَّهُ الْخَلِقُ الْبَارِئُ الْمُصَوِّرُ لَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَى يُسَبِّحُ لَهُ وَمَا فِي السَّمَاوَاتِ
وَالْأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ⑲

Surah Al-Jinn: 1-4

قُلْ أُوحِيَ إِلَيَّ أَنَّهُ أَسْتَمَعَ نَفَرٌ مِنَ الْجِنِّ فَقَالُوا إِنَّا سَمِعْنَا قُرْءَانًا عَجَبًا ① يَهْدِي إِلَى الرُّشْدِ فَعَامَنَا بِهِ وَلَنْ نُشْرِكَ بِرَبِّنَا أَحَدًا ②
وَأَنَّهُ وَتَعَالَى جَدُّ رَبِّنَا مَا أَنْخَذَ صَاحِبَةً وَلَا وَلَدًا ③ وَأَنَّهُ وَكَانَ يَقُولُ سَفِيهُنَا عَلَى اللَّهِ شَظَطَ ④

Surah Al-Kafirun: 1-6

قُلْ يَأَيُّهَا الْكَفِرُونَ ﴿١﴾ لَا أَعْبُدُ مَا تَعْبُدُونَ ﴿٢﴾ وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ
 وَلَا أَنَا عَابِدٌ مَا عَبَدْتُمْ ﴿٤﴾ وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ ﴿٥﴾ لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِي دِينِ
 ﴿٦﴾

Surah Al-Ikhlas: 1-4

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ﴿١﴾ اللَّهُ الصَّمَدُ ﴿٢﴾ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُوْلَدْ ﴿٣﴾ وَلَمْ يَكُنْ لَّهُ كُفُواً أَحَدٌ
 ﴿٤﴾

Surah Al-Falaq: 1-5

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ ﴿١﴾ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿٢﴾ وَمِنْ شَرِّ غَاسِقٍ إِذَا وَقَبَ
 وَمِنْ شَرِّ النَّفَاثَاتِ فِي الْعُقَدِ ﴿٤﴾ وَمِنْ شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ
 ﴿٥﴾

Surah Al-Nas: 1-6

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ ﴿١﴾ مَلِكِ النَّاسِ ﴿٢﴾ إِلَهِ النَّاسِ ﴿٣﴾ مِنْ شَرِّ الْوَسْوَاسِ الْخَنَّاسِ
 ﴿٤﴾ الَّذِي يُوَسْوِسُ فِي صُدُورِ النَّاسِ ﴿٥﴾ مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ
 ﴿٦﴾

vii. Bacaan tambahan:

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ
فَإِنْ تَوَلُّوْا فَقُلْ حَسِبِيَّ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ

(Surah Al-Taubah Ayat: 128-129)

وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ تَجْعَلَ لَهُ مَخْرَجًا وَيَرْزُقُهُ مِنْ حَيْثُ لَا تَحْتَسِبُ وَمَنْ يَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ وَ
إِنَّ اللَّهَ بِلَغُ أَمْرِهِ قَدْ جَعَلَ اللَّهُ لِكُلِّ شَيْءٍ قَدْرًا

(Surah Al-Talaq Ayat: 2-3)

رَبَّنَا أَرِنَا الَّذِينَ أَضَلَّا نَا مِنَ الْجِنِّ وَالْإِنْسِ نَجْعَلُهُمَا تَحْتَ أَقْدَامِنَا لِيَكُونَا مِنَ الْأَسْفَلِينَ

(Surah Fussilat Ayat: 29)

هَذِهِ جَهَنَّمُ الَّتِي كُنْتُمْ تُوعَدُونَ اَصْلُوهَا الْيَوْمَ بِمَا كُنْتُمْ تَكُفُّرُونَ

(Surah Yassin Ayat: 63-64)

viii. Pelbagai selawat Nabi s.a.w, antaranya selawat tafrijiyah, selawat shifa', selawat munjiyah, selawat seperti dalam tahiyyat.

السَّلَامُ عَلَيْكَ أَيَّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ،
السَّلَامُ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِينَ،
أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً رَسُولَ اللَّهِ
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ وَبَارَكْتَ عَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَةً كَامِلَةً، وَسِلِّمْ سِلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَعْلَمُ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقْضَى بِهِ الْحَوَاجُ، وَتُنَالُ
بِهِ الرَّغَائِبُ، وَحُسْنُ الْحَوَاجِمِ وَيُسْتَسْقَى الْغَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ عَدَدُ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ طِبِّ الْقُلُوبِ وَدَوَائِهَا، وَعَافِيَةِ الْأَبْدَانِ وَشِفَائِهَا، وَنُورِ الْأَبْصَارِ وَضِيَائِهَا، وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ وَبَارِكْ وَسِلِّمْ،
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَةً تُنْجِينَا بِهَا مِنْ جَمِيعِ الْأَهْوَالِ وَالآفَاتِ، وَتُقْضِي لَنَا بِهَا جَمِيعَ الْحَاجَاتِ، وَتُطَهِّرُنَا بِهَا مِنْ
جَمِيعِ السَّيِّئَاتِ، وَتَرْفَعُنَا بِهَا عَنْدَكَ أَعْلَى الدَّرَجَاتِ، وَتُبَلِّغُنَا بِهَا أَقْصَى الْغَايَاتِ مِنْ جَمِيعِ الْخَيْرَاتِ فِي الْحَيَاةِ وَبَعْدَ الْمَمَاتِ إِنَّكَ عَلَى
كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى نُورِ الْأَنُوَارِ وَسِرِّ الْأَسْرَارِ وَتَرْيَاقِ الْأَغْيَارِ وَمِفتَاحِ بَابِ الْيَسَارِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الْمُخْتَارِ وَعَلَى آلِهِ الْأَطْهَارِ وَأَصْحَابِهِ
الْأَخْيَارِ عَدَدُ نِعَمِ اللَّهِ وَإِفْضَالِهِ.

ix. Doa Qunut yang ditambahi dengan doa tolak bala' dan doa mohon perlindungan.

اللَّهُمَّ اهْدِنِي فِيمْنَ هَدَيْتَ وَعَافَنِي فِيمْنَ عَافَيْتَ وَتَوَلَّنِي فِيمْنَ تَوَلَّتَ وَبَارِكْ لِي فِيمَا أَعْطَيْتَ وَقَنِي شَرًّ مَا قَضَيْتَ، إِنَّكَ تَقْضِي وَلَا يُقْضِي عَلَيْكَ وَإِنَّهُ لَا يَذِلُّ مَنْ وَالْيَتَ وَلَا يَعْزُزُ مَنْ عَادَيْتَ تَبَارُكَ رَبَّنَا وَتَعَالَيْتَ فَلَكَ الْحَمْدُ عَلَى مَا قَضَيْتَ وَأَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوبُ إِلَيْكَ

اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَّا مِنَ الْبَلَاءِ وَالْوَبَاءِ وَالْأَسْقَامِ وَالْأَمْرَاضِ وَالسِّحْرِ وَالجَانِ وَالشَّيَاطِينِ وَالشَّدَائِدِ وَالْمَحْنِ وَالسُّيُوفِ الْمُخْتَلَفَةِ بِمَنِكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.

اللَّهُمَّ إِنَا نَسْتَحْفِظُكَ وَنَسْتَوْدِعُكَ دِينَنَا وَإِيمَانَنَا وَأَنْفُسَنَا وَأَهْلَنَا وَأَوْلَادَنَا وَأَمْوَالَنَا وَبَيْوَنَنَا وَكُلَّ شَيْءٍ أَعْطَيْتَنَا يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.
اللَّهُمَّ اجْعَلْنَا وَإِيَّاهُمْ فِي كَنْفِكَ وَأَمَانِكَ وَجِوارِكَ وَعِيَادِكَ مِنْ كُلِّ شَيْطَانٍ مَرِيدٍ وَجَبَارٍ عَنِيدٍ وَذِي عَيْنٍ وَذِي بَغْيٍ وَشَرِّ كُلِّ ذِي شَرٍّ
إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

x. Perawat juga dikehendaki menghafal surah al-Ra'd.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿١﴾

الْمَرْ تِلْكَ ءَايَاتُ الْكِتَابِ وَالَّذِي أُنْزِلَ إِلَيْكَ مِنْ رَبِّكَ الْحُقْ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ إِنَّ اللَّهَ الَّذِي رَفَعَ السَّمَوَاتِ بِغَيْرِ عَمَدٍ تَرَوْنَهَا ثُمَّ أَسْتَوَى عَلَى الْعَرْشِ وَسَخَرَ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ كُلُّ يَجْرِي لِأَجْلٍ مُسَمٍّ يُدَبِّرُ الْأَمْرَ يُفَصِّلُ الْآيَاتِ لَعَلَّكُمْ بِلِقَاءَ رَبِّكُمْ تُوقِنُونَ ﴿٢﴾ وَهُوَ الَّذِي مَدَ الْأَرْضَ وَجَعَلَ فِيهَا رَوَسِيَّ وَأَنْهَرًا وَمِنْ كُلِّ الشَّمَرَاتِ جَعَلَ فِيهَا زَوْجَيْنِ أَثْنَيْنِ يُعْشِي الْلَّيْلَ الْهَارِ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٣﴾ وَفِي الْأَرْضِ قِطْعٌ مُتَجَوِّرٌ وَجَنَّتُ مِنْ أَعْنَبٍ وَزَرْعٍ وَنَخِيلٌ صِنْوَانٌ وَغَيْرُ صِنْوَانٍ يُسْقَى بِمَاءٍ وَاحِدٍ وَنُفَضِّلُ بَعْضَهَا عَلَى بَعْضٍ فِي الْأَكْلِ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿٤﴾ وَإِنْ تَعْجَبْ فَعَجَبْ قَوْلُهُمْ أَئِذَا كُنَّا تُرَبَا أَئِنَّا لَفِي خَلْقٍ جَدِيدٍ أُولَئِكَ الَّذِينَ كَفَرُوا بِرَبِّهِمْ وَأُولَئِكَ الْأَغْلَلُ فِي أَعْنَاقِهِمْ وَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَلِدُونَ ﴿٥﴾ وَيَسْتَعْجِلُونَكَ

بِالسَّيِّئَةِ قَبْلَ الْحَسَنَةِ وَقَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِهِمُ الْمُثْلَثُ وَإِنَّ رَبَّكَ لَذُو مَعْفِرَةٍ لِلنَّاسِ عَلَى ظُلْمِهِمْ وَإِنَّ رَبَّكَ لَشَدِيدُ الْعِقَابِ ١٧ وَيَقُولُ
 الَّذِينَ كَفَرُوا لَوْلَا أُنْزِلَ عَلَيْهِ ءَايَةٌ مِنْ رَبِّهِ إِنَّمَا أَنْتَ مُنْذِرٌ وَلِكُلِّ قَوْمٍ هَادِ ١٨ إِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا تَحْمِلُ كُلُّ أُنْثَى وَمَا تَغْيِضُ الْأَرْحَامُ وَمَا
 تَزَدَّادُ وَكُلُّ شَيْءٍ عِنْدَهُ بِمِقْدَارٍ ١٩ عَلِمُ الْغَيْبِ وَالشَّهَدَةُ الْكَبِيرُ الْمُتَعَالُ ٢٠ سَوَاءٌ مِنْكُمْ مَنْ أَسْرَ الْقَوْلَ وَمَنْ جَهَرَ بِهِ وَمَنْ هُوَ
 مُسْتَخْفِي بِاللَّيلِ وَسَارِبٌ بِالنَّهَارِ ٢١ لَهُوَ مُعَقِّبُ مِنْ بَيْنِ يَدِيهِ وَمِنْ خَلْفِهِ يَحْفَظُونَهُ وَمِنْ أَمْرِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّى
 يُغَيِّرُوا مَا بِأَنفُسِهِمْ وَإِذَا أَرَادَ اللَّهُ بِقَوْمٍ سُوءًا فَلَا مَرَدَ لَهُ وَمَا لَهُمْ مِنْ دُونِهِ مِنْ وَالِ ٢٢ هُوَ الَّذِي يُرِيكُمُ الْبَرَقَ حَوْفًا وَطَمَعاً وَيُنَشِّئُ
 السَّحَابَ الْثَقَالَ ٢٣ وَيُسَبِّحُ الرَّعْدَ بِحَمْدِهِ وَالْمَلَائِكَةُ مِنْ خِيفَتِهِ وَيُرِسِّلُ الصَّوَاعِقَ فَيُصِيبُ بِهَا مَنْ يَشَاءُ وَهُمْ يُجَدِّلُونَ فِي اللَّهِ وَهُوَ
 شَدِيدُ الْمَحَالِ ٢٤ لَهُوَ دَعْوَةُ الْحَقِّ وَالَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِهِ لَا يَسْتَجِيبُونَ لَهُمْ بِشَيْءٍ إِلَّا كَبَسِطَ كَفَيْهِ إِلَى الْمَاءِ لِيَبْلُغَ فَاهُ وَمَا هُوَ
 بِبَلْغِهِ وَمَا دُعَاءُ الْكُفَّارِ إِلَّا فِي ضَلَالٍ ٢٥ وَلِلَّهِ يَسْجُدُ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا وَظَلَالُهُمْ بِالْعُدُوِّ وَالْأَصَالِ ٢٦ قُلْ مَنْ
 رَبُّ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ قُلْ إِنَّ اللَّهَ قُلْ أَفَاتَخَذُتُمْ مِنْ دُونِهِ أَوْيَاءً لَا يَمْلِكُونَ لِأَنفُسِهِمْ نَفْعًا وَلَا ضَرًّا قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الْأَعْمَى وَالْبَصِيرُ أَمْ
 هَلْ تَسْتَوِي الظُّلْمَتُ وَالنُّورُ أَمْ جَعَلُوا لِلَّهِ شُرَكَاءَ خَلَقُوا كَخَلْقِهِ فَتَشَبَّهَ الْخُلُقُ عَلَيْهِمْ قُلْ إِنَّ اللَّهَ خَلَقَ كُلِّ شَيْءٍ وَهُوَ الْوَاحِدُ الْقَهْرُ ٢٧
 أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَسَالَتْ أُودِيَةٌ بِقَدَرِهَا فَاحْتَمَلَ السَّيْلُ زَبَدًا رَابِيًّا وَمَمَا يُوقَدُونَ عَلَيْهِ فِي الظَّارِ أَبْتِغَاءَ حِلْيَةً أَوْ مَتَّعَ زَبَدُ مِثْلُهُ
 كَذَلِكَ يَضْرِبُ اللَّهُ الْحَقَّ وَالْبَطِلَ فَأَمَّا الزَّبَدُ فَيَذْهُبُ جُفَاءً وَأَمَّا مَا يَنْفَعُ النَّاسَ فَيَمْكُثُ فِي الْأَرْضِ كَذَلِكَ يَضْرِبُ اللَّهُ الْأَمْثَالَ ٢٨
 لِلَّذِينَ أَسْتَجَابُوا لِرَبِّهِمُ الْحَسَنَى وَالَّذِينَ لَمْ يَسْتَجِيبُوا لَهُ وَلَوْ أَنَّ لَهُمْ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا وَمِثْلُهُ وَمَعْهُ وَلَا فَتَدَوْا بِهِ أَوْلَئِكَ لَهُمْ سُوءٌ
 الْحِسَابُ وَمَا وَلَهُمْ جَهَنَّمُ وَبَيْسَ الْمَهَادُ ٢٩ فَأَفَمَنْ يَعْلَمُ أَنَّمَا أَنْزَلَ إِلَيْكَ مِنْ رَبِّكَ الْحَقُّ كَمَنْ هُوَ أَعْمَى إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولَئِكَ أَلَّا لَبَبٌ
 الَّذِينَ يُوقُنُ بِعَهْدِ اللَّهِ وَلَا يَنْقُضُونَ الْمِيَثَاقَ ٣٠ وَالَّذِينَ يَصِلُونَ مَا أَمْرَ اللَّهَ بِهِ أَنْ يُوصَلَ وَيَخْشَوْنَ رَبَّهُمْ وَيَخَافُونَ سُوءَ الْحِسَابِ
 وَالَّذِينَ صَبَرُوا أَبْتِغَاءَ وَجْهِ رَبِّهِمْ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنْفَقُوا مِمَّا رَزَقَنَهُمْ سِرَّا وَعَلَانِيَةً وَيَدْرَءُونَ بِالْحَسَنَةِ الْسَّيِّئَةَ أَوْلَئِكَ لَهُمْ عُقَبَى الدَّارِ
 جَنَّتُ عَدْنٍ يَدْخُلُونَهَا وَمَنْ صَلَحَ مِنْ عَابِرِهِمْ وَأَرْوَاحِهِمْ وَذُرِّيَّتِهِمْ وَالْمَلَائِكَةُ يَدْخُلُونَ عَلَيْهِمْ مِنْ كُلِّ بَابٍ ٣١ سَلَامٌ عَلَيْكُم بِمَا

صَبَرْتُمْ فَنِعْمَ عَقْبَى الدَّارٍ ﴿٤﴾ وَالَّذِينَ يَنْقُضُونَ عَهْدَ اللَّهِ مِنْ بَعْدِ مِيقَاتِهِ وَيَقْطَعُونَ مَا أَمَرَ اللَّهُ بِهِ أَنْ يُوصَلَ وَيُفْسِدُونَ فِي الْأَرْضِ
 أُولَئِكَ لَهُمُ الْلَّعْنَةُ وَلَهُمْ سُوءُ الدَّارٍ ﴿٥﴾ اللَّهُ يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَنْ يَشَاءُ وَيَقْدِرُ وَفَرِحُوا بِالْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا فِي الْآخِرَةِ إِلَّا مَتَاعٌ
 وَيَقُولُ الَّذِينَ كَفَرُوا لَوْلَا أُنْزِلَ عَلَيْهِ ظَاهِيَّةٌ مِّنْ رَبِّهِ قُلْ إِنَّ اللَّهَ يُضْلِلُ مَنْ يَشَاءُ وَيَهْدِي إِلَيْهِ مَنْ أَنْزَابَ ﴿٦﴾ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَطَمِّنُ
 قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ إِلَّا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطَمِّنُ الْقُلُوبُ ﴿٧﴾ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّلِحَاتِ طُوبَى لَهُمْ وَحُسْنُ مَقَابِ ﴿٨﴾ كَذَلِكَ أَرْسَلْنَاكَ فِي
 أُمَّةٍ قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِهَا أُمَّمٌ لَتَتَلَوَّ عَلَيْهِمُ الَّذِي أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ وَهُمْ يَكُفُرُونَ بِالرَّحْمَنِ قُلْ هُوَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلُ وَإِلَيْهِ
 مَتَابٌ ﴿٩﴾ وَلَوْ أَنَّ قُرْءَانًا سُرِّيَتْ بِهِ الْجِبَالُ أَوْ قُطِعَتْ بِهِ الْأَرْضُ أَوْ كُلِّمَ بِهِ الْمَوْتَىٰ بَلْ لِلَّهِ الْأَمْرُ جِيمَعًا أَفَلَمْ يَأْيُسِ الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنَّ لَوْ
 يَشَاءُ اللَّهُ لَهَدَى النَّاسَ جِيمَعًا وَلَا يَرَأُ الَّذِينَ كَفَرُوا ثُصِيبُهُمْ بِمَا صَنَعُوا قَارِعَةً أَوْ تَحُلُّ قَرِيبًا مِنْ دَارِهِمْ حَتَّىٰ يَأْتِي وَعْدُ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ
 لَا يُخْلِفُ الْمِيعَادَ ﴿١٠﴾ وَلَقَدْ أَسْتَهْزَئَ بِرُسُلٍ مِنْ قَبْلِكَ فَأَمْلَيْتُ لِلَّذِينَ كَفَرُوا ثُمَّ أَخْذَتُهُمْ فَكَيْفَ كَانَ عِقَابٌ ﴿١١﴾ أَفَمَنْ هُوَ قَائِمٌ عَلَى كُلِّ
 نَفْسٍ بِمَا كَسَبَتْ وَجَعَلُوا لِلَّهِ شُرَكَاءَ قُلْ سَمُوهُمْ أَمْ تُنَبِّئُونَهُ وَبِمَا لَا يَعْلَمُ فِي الْأَرْضِ أَمْ بِظَاهِرِ مِنْ الْقَوْلِ بَلْ زُيَّنَ لِلَّذِينَ كَفَرُوا
 مَكْرُهُمْ وَصُدُّوا عَنِ السَّبِيلِ وَمَنْ يُضْلِلِ اللَّهُ فَمَا لَهُ وَمِنْ هَادِ ﴿١٢﴾ لَهُمْ عَذَابٌ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَلَعَذَابُ الْآخِرَةِ أَشَقُّ وَمَا لَهُمْ مِنْ أُنْهَىٰ
 مِنْ وَاقٍِ ﴿١٣﴾ مَثَلُ الْجَنَّةِ الَّتِي وُعِدَ الْمُتَّقُونَ تَجْرِي مِنْ تَحْتَهَا الْأَنْهَرُ أَكْلُهَا دَائِمٌ وَظِلُّهَا تِلْكَ عَقْبَى الَّذِينَ اتَّقَوْ وَعَقْبَى الْكُفَّارِينَ
 النَّارُ ﴿١٤﴾ وَالَّذِينَ ءَاتَيْنَاهُمُ الْكِتَابَ يَفْرَحُونَ بِمَا أُنْزِلَ إِلَيْكَ وَمِنَ الْأَحْزَابِ مَنْ يُنَكِّرُ بَعْضَهُ وَقُلْ إِنَّمَا أَمْرُتُ أَنْ أَعْبُدَ اللَّهَ وَلَا أُشْرِكَ بِهِ
 إِلَيْهِ أَدْعُوا وَإِلَيْهِ مَقَابٌ ﴿١٥﴾ وَكَذَلِكَ أَنْزَلْنَاهُ حُكْمًا عَرَبِيًّا وَلَيْنِ اتَّبَعَتْ أَهْوَاءَهُمْ بَعْدَ مَا جَاءَكَ مِنَ الْعِلْمِ مَا لَكَ مِنَ اللَّهِ مِنْ وَلِيٍّ وَلَا
 وَاقٍِ ﴿١٦﴾ وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلًا مِنْ قَبْلِكَ وَجَعَلْنَا لَهُمْ أَزْوَاجًا وَذُرِّيَّةً وَمَا كَانَ لِرَسُولٍ أَنْ يَأْتِي بِإِيمَانَ اللَّهِ لِكُلِّ أَجَلٍ كِتَابٌ ﴿١٧﴾ يَمْحُوا
 اللَّهُ مَا يَشَاءُ وَيُثْبِتُ وَعِنْدَهُ أُمُّ الْكِتَابِ ﴿١٨﴾ وَإِنَّمَا تُرِينَكَ بَعْضَ الَّذِي نَعِدُهُمْ أَوْ نَنْوَفِيَّكَ فَإِنَّمَا عَلَيْكَ الْبَلْغُ وَعَلَيْنَا الْحِسَابُ ﴿١٩﴾ أَوْ
 لَمْ يَرَوْا أَنَّا نَأْتَى الْأَرْضَ نَنْقُصُهَا مِنْ أَطْرَافِهَا وَاللَّهُ يَحْكُمُ لَا مُعَقِّبَ لِحُكْمِهِ وَهُوَ سَرِيعُ الْحِسَابِ ﴿٢٠﴾ وَقَدْ مَكَرَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ فَلِلَّهِ
 الْمَكْرُ جِيمَعًا يَعْلَمُ مَا تَكُسِبُ كُلُّ نَفْسٍ وَسَيَعْلَمُ الْكُفَّارُ لِمَنْ عَقْبَى الدَّارِ ﴿٢١﴾ وَيَقُولُ الَّذِينَ كَفَرُوا لَسْتَ مُرْسَلًا قُلْ كَفَى بِاللَّهِ
 شَهِيدًا بَيْنِي وَبَيْنَكُمْ وَمَنْ عِنْدَهُ عِلْمُ الْكِتَابِ ﴿٢٢﴾

(Surah Al-Ra'd: 1-43)

KEDUA: KOMBINASI RUQYAH, ZIKIR, MURAQABAH DAN KETUKAN

Kaedah ketukan yang dikombinasikan bacaan ruqyah di lidah atau di hati akan memberi kesan yang lebih baik dan lebih memuaskan. Kita boleh contohkan, bila hujung jari tangan kita tercucuk selumbar, ada kalanya kita boleh cabut sendiri tanpa menggunakan apa-apa alat. Adakalanya pula kita tidak boleh cabut begitu sahaja, kita perlu menggunakan alat penyepit. Dengan alat penyepit barulah kita boleh cabut selumbar itu. Bagaimana pun ada keadaan, penyepit pun tidak berjaya mencabut selumbar tersebut. Akhirnya kita terpaksa pergi ke klinik atau hospital untuk membuat pembedahan kecil.

Maksudnya, ketukan dapat meningkatkan impak yang lebih baik dan boleh membinasakan jin atau syaitan yang diketuk yang berada di bawah kulit seseorang. Sebenarnya jin dan syaitan sangat takut dengan pukulan atau ketukan. Oleh sebab itu, kita boleh takutkan jin dan syaitan yang mengganggu seseorang dengan memberi amaran keras, kita akan belasah atau pukul. Kita boleh gunakan rotan, pukulkan bantal, atau lantai untuk menakutkan jin atau syaitan tersebut. Sayangnya, ramai di antara kita tidak dapat mengetahui rahsia kelemahan jin dan syaitan tersebut.

Imam Ahmad Ibnu Hanbal selalu mengancam jin dan syaitan yang berada dalam tubuh seseorang dengan menyebutkan, kalau tak mahu keluar beliau akan pukul dengan terompahnya, jin dan syaitan itu segera berlari keluar. Al-marhum Saiyyid Ali Al-Badrom, bekas Qadhi Besar Pulau Pinang, merawat pelatih yang dirasuk jin atau syaitan dengan pukulan rotan. Kadang-kadang jin dan syaitan segera keluar dengan diancam untuk disebat dengan rotan.

Bagaimana pun kita perlu mempelajari kaedah pukulan tersebut. Kita juga perlu meneliti sebaik-baiknya khabar-khabar angin yang penuh dengan fitnah dan pembohongan bahawa pukulan dan ketukan yang dilakukan di PRIM menyebabkan ramai orang yang luka berdarah-darah, kerana pukulan dilakukan terlalu kuat sekehendak hati perawat. Sehingga PRIM dituduh oleh mereka sebagai pusat penderaan, bukan pusat rawatan.

Perlu diingatkan kalau mereka yang dirawat berdarah walaupun sikit membuat laporan kepada polis tentu akan menjadi kes saman dan sebagainya. Alhamdulillah setakat ini tidak ada kes seperti yang tersebut. Memang ada yang berdarah iaitu orang yang berjerawat yang sudah kecewa dengan pelbagai ubat moden, lalu kita lakukan pukulan pada bintik-bintik jerawat batu sehingga keluar nanah dan darah. Tetapi mereka berpuas hati kerana jerawat mereka sembah sepenuhnya. Begitu juga mereka yang menghidap penyakit kulit, yang dikenali dengan penyakit psoriasis, yang gagal dirawat oleh pakar-pakar kulit, bila kita lakukan pukulan keluar darah dan nanah sedikit. Tetapi mereka juga berpuas hati kerana sakit mereka sembah sepenuhnya. Antara pelatih psoriasis yang dirawat dan sembah sepenuhnya adalah seorang doktor perempuan dari sebuah hospital di Johor.

CIRI PERIBADI SEORANG PERAWAT

Dari segi akidah mestilah berpegang teguh kepada perkara-perkara yang tersebut di bawah ini:

1. Hendaklah yakin semua urusan dalam rawatan, kejayaan atau kegalalannya adalah semata-mata rahmat dan kurnia Allah S.W.T mengikut qudrat dan iradat-Nya. Allah berfirman:

وَلَوْ أَنَّ قُرْءَانًا سُيِّرَتْ بِهِ الْجِبَالُ أَوْ قُطِّعَتْ بِهِ الْأَرْضُ أَوْ كُلِّمَ بِهِ الْمَوْتَىٰ بَلْ لِلَّهِ الْأَمْرُ جَمِيعًا أَفَلَمْ يَأْيَسِ الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنَّ لَوْ يَشَاءُ اللَّهُ لَهُدَى
النَّاسَ جَمِيعًا وَلَا يَزَالُ الَّذِينَ كَفَرُوا تُصِيبُهُمْ بِمَا صَنَعُوا قَارِعَةً أَوْ تَحُلُّ قَرِيبًا مِنْ دَارِهِمْ حَتَّىٰ يَأْتِيَ وَعْدُ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُخْلِفُ الْمِيعَادَ ﴿٢٦﴾

(Surah Al-Ra'd: 31)

Rasulullah s.a.w sentiasa merasa tidak boleh membuat kebaikan atau menolak kemudarat. Allah berfirman dalam surah al-A'raf:

قُلْ لَا أَمْلِكُ لِنَفْسِي نَفْعًا وَلَا ضَرًّا إِلَّا مَا شَاءَ اللَّهُ وَلَوْ كُنْتُ أَعْلَمُ الْغَيْبَ لَا سَتَكِنْتُ مِنَ الْخَيْرِ وَمَا مَسَنَى الْسُّوءُ
إِنَّ أَنَا إِلَّا نَذِيرٌ وَكَشِيرٌ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ

(Surah Al-A'raf: 188)

- i. Perawat tidak boleh sama sekali menyebut apa-apa perkara ghaib. Allah berfirman dalam surah al-Naml:

قُلْ لَا يَعْلَمُ مَنِ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ الْغَيْبَ إِلَّا اللَّهُ وَمَا يَشْعُرُونَ أَيَّانَ يُبَعْثُرُونَ

(Surah Al-Naml: 65)

- ii. Perawat mesti merasa lemah dan tiada kekuatan, kerana pertolongan Allah akan dikurniakan kepada yang lemah, hina dan bersifat sebagai orang yang mudtarr (المضطر). Firman Allah dalam surah Ali 'Imran dan surah al-Naml:

وَلَقَدْ نَصَرَكُمُ اللَّهُ بِبَدْرٍ وَأَنْتُمْ أَذْلَةٌ فَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

(Surah Ali-Imran: 123)

أَمَّنْ تُحِبُّ الْمُضْطَرَ إِذَا دَعَاهُ وَيَكْشِفُ الْسُّوءَ

(Surah An-Naml: 62)

- iii. Perawat tidak boleh bergantung kepada sebab musabab tetapi hendaklah bergantung kepada Allah (musabib al-asbab). Allah berfirman surah al-Anfal dan surah al-Mulk:

وَمَا رَمَيْتَ إِذْ رَمَيْتَ وَلِكِنَّ اللَّهَ رَمَى

(Surah An-Anfal: 17)

أَوَلَمْ يَرَوْا إِلَى الظَّيْرِ فَوْقَهُمْ صَافَّاتٍ وَيَقْبِضُنَّ مَا يُمْسِكُهُنَّ إِلَّا الْرَّحْمَنُ إِنَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ بَصِيرٌ

(Surah Al-Mulk: 19)

- iv. Perawat mestilah berhati tenang. Tidak boleh menggelabah apatah lagi buntu hati dan fikiran, kerana Allah sentiasa memberi hidayat kepada orang yang berhati tenang. Firman Allah dalam surah al-Ra'd:

وَهَدِئِي إِلَيْهِ مَنْ أَنَابَ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَطَمِّنُ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطَمِّنُ الْقُلُوبُ

(Surah Al-Ra'd: 27 & 28)

- v. Perawat mestilah berada di dalam muraqabah ma'iyyah, kerana ianya merupakan salah satu muraqabah yang meletakkan seseorang hampir kepada Allah. Allah berfirman dalam surah al-Hadid dan surah al-Taubah:

وَهُوَ مَعْكُمْ أَيْنَ مَا كُنْتُمْ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٤﴾

(Surah Al-Hadid: 4)

لَا تَحْزَنْ إِنَّ اللَّهَ مَعَنَا

(Surah Al-Taubah: 40)

- vi. Perawat hendaklah seboleh-bolehnya sentiasa mengingati nama Allah tanpa putus sebagai menguatkan aspek zahir dan batin dan pelindung dari ancaman kejahanan dan sihir. Hadis Nabi s.a.w menyebut:

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاوَاتِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

- vii. Perawat hendaklah mengukuhkan sifat-sifat ketaqwaan dan tawakal kepada Allah kerana keberkesanan rawatan dikurniakan daripada Allah kepada sesiapa yang bertaqwa dan bertawakal. Firman Allah dalam surah al-Talaq:

وَمَنْ يَتَّقِيَ اللَّهَ تَجْعَلُ لَهُ دُخْرَجًا ﴿١﴾ وَيَرْزُقُهُ مِنْ حَيْثُ لَا تَحْتَسِبُ ﴿٢﴾ وَمَنْ يَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ وَرَبُّهُ ﴿٣﴾

إِنَّ اللَّهَ بِلَغُ أَمْرِهِ قَدْ جَعَلَ اللَّهَ لِكُلِّ شَيْءٍ قَدْرًا ﴿٤﴾

(Surah Al-Talaq: 2-3)

- viii. Perawat hendaklah membayangkan semua usaha rawatan bukanlah dari daya usaha dirinya sendiri yang melakukan, tetapi hendaklah dibayangkan rawatan itu dilakukan dalam satu kumpulan para siddiqin, para shuhada' dan orang soleh. Kaedah ini ditegas oleh Shaikh Hassan al-Banna di dalam kitab doa Ma'thurat yang dikumpul dan ditulis oleh anaknya Ahmad Saiful Islam. (Dinamakan Doa Rabithah)
- ix. Perawat hendaklah menjaga akhlak dan tingkah laku di samping menjaga nafsu. Tidak boleh sesekali menjatuhkan maruah sesiapa pun terutamanya maruah pelatih, dan keluarganya.

6. Latihan Rawatan (Latihan merawat pelatih 6 bulan)

1. Latihan pemeriksaan pelatih untuk mendapatkan diagnosis yang tepat.
2. Latihan mengetuk pelatih yang mempunyai pelbagai penyakit. (di bawah bimbingan jurulatih yang dipilih di Manarah)

7. Latihan Kemahiran Lanjutan (Latihan kemahiran lanjutan 3 bulan)

1. Latihan pemeriksaan pelatih untuk mendapatkan diagnosis yang tepat.
2. Latihan mengetuk pelatih yang mempunyai pelbagai penyakit. (seperti yang dicadangkan dalam modul RSI Istitabah™)

BAHAGIAN B

Program Rawatan Spiritual
Islam Pelatih

MODEL UMUM PEMULIHAN

B1 MODEL RAWATAN SPIRITUAL ISLAM PELATIH (BIASA)

B1 - Model rawatan Spiritual Islam pelatih (kecelaruan dalaman) yang terdiri daripada empat tajuk iaitu pemeriksaan tubuh badan dan latar belakang pelatih; gaya hidup dan persekitaran; pembersihan rumah dan sekitarnya; rawatan.

B2 MODEL RAWATAN SPIRITUAL ISLAM PELATIH (SEPARA KRITIKAL)

B2 - Model rawatan Spiritual Islam pelatih (separa kritikal) yang terdiri daripada lima tajuk iaitu pemeriksaan tubuh badan lebih teliti; penyiasatan latar belakang pelatih yang lebih terperinci; pemeriksaan gaya hidup, persekitaran dan keluarga pelatih; pembersihan dalam rumah dan sekitarnya; rawatan dan pemeriksaan ulangan selewat-lewatnya seminggu, sebaik-baiknya selepas dua atau tiga hari.

B3 MODEL RAWATAN SPIRITUAL ISLAM PELATIH (KRITIKAL)

B3 - Model rawatan Spiritual Islam pelatih (kritikal) yang terdiri daripada lima tajuk iaitu pemeriksaan tubuh badan lebih teliti dan penyiasatan latar belakang pelatih yang lebih terperinci; pemeriksaan gaya hidup, persekitaran dan keluarga pelatih; pembersihan dalam rumah dan sekitarnya; rawatan dan pemeriksaan ulangan selewat-lewatnya seminggu, sebaik-baiknya selepas dua atau tiga hari. **Pemulihan khusus, penyesuaian dan penyelesaian masalah dan pengukuhan dengan pemantapan.** Dengan pelaksanaan modul ini, bukan sahaja dapat melahirkan perawat dan pelatih yang berjaya malah menjadi manusia yang tinggi akhlak dan ketakwaannya kepada Allah SWT.

MODUL RAWATAN KEROHANIAN

BAHAGIAN B – Tahap 1 dan 2 Program Rawatan Kerohanian Pelatih

(B1) Tajuk Aktiviti: Modul Rawatan Kerohanian Pelatih (Standard/Biasa)

UNIT	TAJUK	OBJEKTIF	KANDUNGAN KURSUS	LANGKAH-LANGKAH PELAKSANAAN DAN MASA	ALAT BANTU PEMULIHAN DAN BAHAN RUJUKAN
1.	Pemeriksaan Tubuh Badan Dan Latar Belakang Pelatih.	Supaya boleh didiagnosis keadaan fizikal, mental dan spiritual pelatih dan diketahui sebab-sebab penyakit.	Taaruf dan temu bual dengan pelatih. Melakukan pemeriksaan bahagian-bahagian tertentu seperti perut, jari-jari kaki, bawah dagu, tengkuk, tulang belakang dan lain-lain.	1 jam (Melaksanakan kandungan kursus)	Ranting nona, air yang telah dibacakan doa, garam, cuka, limau nipis, lidi sate, ais, lada hitam, sarung tangan, kain sarung, tuala mandi dan lain-lain.
2.	Persekuturan dan Gaya Hidup	Bantuan maklumat yang sangat diperlukan seperti penyakit genetik.	Pertemuan dengan anggota keluarga seperti ayah dan ibu, rakan-rakan, guru dan lain-lain. Bertujuan mendiagnosis /analisis keadaan fizikal, mental dan spiritual keluarga.	Masa tidak dapat ditentukan bergantung kepada keperluan dan keadaan kes.	Ranting nona, air yang telah dibacakan doa, garam, cuka, limau nipis, lidi sate, ais, lada hitam sarung tangan, kain sarung, tuala mandi dan lain-lain.
3.	Pembersihan Rumah dan Sekitar. (Jika telah dikenal pasti perlu dilakukan)	Membersihkan pelatih dan keluarga dari pelbagai unsur yang merosakkan akidah, syariah dan kehidupan.	Minum air limau nipis + garam + air yang telah dibacakan doa. Ketukan kayu nona bahagian tubuh yang telah dikenal pasti semasa pemeriksaan dan mandi ais.	1-2 jam Bergantung kepada keadaan pelatih	Ranting nona, air yang telah dibacakan doa, garam, cuka, limau nipis, lidi sate, ais, lada hitam, sarung tangan, kain sarung, tuala mandi dan lain-lain.
4.	Rawatan	Membantu pelatih untuk melepaskan diri daripada pelbagai unsur jahat seperti sihir, amalan-amalan salah dan sesat yang menyebabkan seseorang murtad.	Minum air limau nipis + garam + air yang telah dibacakan doa. Ketukan kayu nona bahagian tubuh yang telah dikenal pasti semasa pemeriksaan dan mandi ais.	1-2 jam Bergantung kepada keadaan pelatih	Ranting nona, air yang telah dibacakan doa, garam, cuka, limau nipis, lidi sate, ais, lada hitam, sarung tangan, kain sarung, tuala mandi dan lain-lain.

(B2) Tajuk Aktiviti: Modul Rawatan Kerohanian Pelatih (Separa Kritikal)

UNIT	TAJUK	OBJEKTIF	KANDUNGAN KURSUS	LANGKAH-LANGKAH PELAKSANAAN DAN MASA	ALAT BANTU PEMULIHAN DAN BAHAN RUJUKAN
1.	Pemeriksaan Lebih Teliti Pada Tubuh Badan dan Penyiasatan Latar Belakang Pelatih Yang Lebih Terperinci.	Supaya dapat diketahui dan difahami sehingga boleh diagnosis keadaan fizikal, mental dan spiritual dengan lebih tepat.	<p>Taaruf dan temu bual dengan pelatih dengan lebih mendalam dan luas.</p> <p>Melakukan pemeriksaan fizikal dengan bersungguh-sungguh dan berulang-ulang.</p> <p>Tumpukan pemeriksaan pada bahagian-bahagian tertentu, seperti perut, jari-jari kaki, bawah dagu, bawah telinga, tengkuk, tulang belakang, peha dan sebagainya.</p>	<p>Melaksanakan kandungan kursus</p> <p>Masa 1 jam atau lebih. Bergantung kepada keadaan pelatih.</p>	Ranting nona, air yang telah dibacakan doa, garam, cuka, limau nipis, lidi sate, ais, lada hitam, sarung tangan, kain sarung, tuala mandi dan lain-lain.
2.	Persekuturan dan Gaya Hidup Pelatih dan Keluarganya.	Bantuan maklumat yang lebih baik dan lebih tepat yang diperlukan.	<p>Pertemuan dengan anggota keluarga yang terdekat, mak ayah, datuk nenek ke atas; isteri-suami, rakan-rakan karib, guru dan lain-lain.</p> <p>Lawatan ke rumah pelatih dan rumah keluarga.</p> <p>Tujuan utama mendiagnosis semua orang yang terlibat dalam pemeriksaan dan dapat diketahui keadaan fizikal, mental dan spiritual. Supaya dapat diketahui sama ada terdapat unsur penyakit genetik pada pelatih.</p> <p>Tempat pertemuan sebaik-baiknya di klinik. Jika terpaksa boleh dibuat di rumah pelatih atau rumah keluarga.</p>	Masa tidak dapat ditentukan berapa lama bergantung kepada keperluan dan keadaan seperti jauh atau dekatnya, ada kerja sama yang baik daripada keluarga atau sebaliknya.	Ranting nona, air yang telah dibacakan doa, garam, cuka, limau nipis, lidi satay, ais, lada hitam, sarung tangan, kain sarung, tuala mandi dan lain-lain.

3.	Pembersihan dalam Rumah dan Sekitar.	Mengelakkan pelatih, keluarga daripada pelbagai unsur yang membahayakan kehidupan mereka dan merosakkan aqidah dan syariah.	<p>Mencari dan memusnahkan tangkal azimat, pagar rumah, barang-barang warisan dan barang-barang yang ada kaitan dengan pelbagai kepercayaan karut.</p> <p>Solat Sunat Taubat dan Hajat.</p> <p>Azan 7 kali, Iqamah 1 kali, Doa qunut 13 kali, Baca Surah Yasin dan al-Ra'd dan doa.</p>	<p>Dilakukan oleh satu pasukan khas terdiri daripada dua orang atau lebih bergantung kepada keperluan.</p> <p>Masa bergantung kepada keperluan.</p>	Formic acid (cuka getah), garam kasar, pasir, lada hitam. Semuanya telah dibacakan doa dan ayat-ayat al-Quran.
4.	Rawatan	Membantu pelatih untuk melepaskan diri daripada pelbagai unsur jahat seperti sihir, amalan-amalan salah dan sesat yang menyebabkan seseorang murtad.	Minum air limau lipis sebanyak 3-5 biji dicampur garam halus satu sudu besar atau lebih dan dicampur dengan air yang telah dibacakan doa (biasanya pelatih akan muntah atau membuang air besar atau air kecil. Ketukan kayu nona di bahagian anggota yang dikenal pasti. Selepas ketukan selesai, dimandikan dengan ais).	Masa 1-2 jam Bergantung pada keadaan pelatih.	Ranting nona, air yang telah dibacakan doa, garam, cuka, limau nipis, lidi sate, ais, lada hitam, sarung tangan, kain sarung, tuala mandi dan lain-lain.
5.	Pemeriksaan dan rawatan ulangan selewat-lewatnya seminggu, sebaik-baiknya selepas dua atau tiga hari.	Untuk mengetahui keadaan pelatih, sama ada unsur-unsur jahat telah hilang, berkurangan atau masih tidak berubah.	<p>Jika tidak berubah atau perubahan sangat sedikit rawatan hendaklah dilakukan seperti di atas (unit 4).</p> <p>Sekiranya banyak berkurangan maka pelatih perlu di ketuk pada tempat-tempat tertentu dan mandi ais.</p>	<p>Masa 1-2 jam</p> <p>Bergantung pada keadaan pelatih.</p>	Ranting nona, air yang telah dibacakan doa, garam, cuka, limau nipis, lidi sate, ais,lada hitam, sarung tangan, kain sarung, tuala mandi dan lain-lain.

(B3) Tajuk Aktiviti: Modul Rawatan Kerohanian Pelatih (Kritikal)


UNIT	TAJUK	OBJEKTIF	KANDUNGAN KURSUS	LANGKAH-LANGKAH PELAKSANAAN DAN MASA	ALAT BANTU PEMULIHAN DAN BAHAN RUJUKAN
1.	Pemeriksaan Lebih Teliti Pada Tubuh Badan dan Penyiasatan Latar Belakang Pelatih Yang Lebih Terperinci.	Supaya dapat diketahui dan difahami pelbagai faktor penyebab masalah pelatih menjadi kritikal sehingga boleh didiagnosis keadaan fizikal mental dan spiritual dengan lebih tepat.	<p>Dimulakan dengan solat taubat dan solat hajat, zikrullah dan doa bagi memperkasa ketakwaan dan tawakal perawat dan pelatih yang kritikal.</p> <p>Taaruf dan temu bual dengan pelatih secara hikmah supaya lebih mendalam dan meluas.</p> <p>Melakukan pemeriksaan fizikal dengan bersungguh-sungguh dan berulang-ulang.</p> <p>Tumpukan pemeriksaan pada bahagian-bahagian tertentu, seperti perut, jari-jari, kaki, bawah dagu, bawah telinga, tengkuk, tulang belakang, peha dan sebagainya.</p>	<p>Melaksanakan kandungan kursus</p> <p>Masa 1 Jam atau lebih Bergantung kepada keadaan pelatih.</p>	Ranting nona, air yang telah dibacakan doa, garam, cuka, limau nipis, lidi satay, ais, lada hitam, sarung tangan, kain sarung, tuala mandi dan lain-lain.
2.	Persekuturan dan Gaya Hidup Pelatih Dan Keluarganya	Bantuan maklumat yang lebih baik dan lebih tepat yang diperlukan	<p>Dimulakan dengan solat taubat dan solat hajat, zikrullah dan doa bagi memperkasa ketakwaan dan tawakal perawat dan pelatih yang kritikal.</p> <p>Pertemuan dengan anggota keluarga yang terdekat, mak ayah, datuk nenek ke atas; isteri/suami, rakan-rakan karib, guru dan lain-lain</p> <p>Lawatan ke rumah pelatih dan rumah keluarga.</p> <p>Tujuan utama mendiagnosis semua orang yang terlibat dalam pemeriksaan dan dapat diketahui keadaan fizikal, mental dan spiritual.</p> <p>Supaya dapat diketahui sama ada terdapat unsur penyakit genetik pada pelatih.</p> <p>Tempat pertemuan sebaik-baiknya di klinik. Jika terpaksa boleh dibuat di rumah pelatih atau rumah keluarga.</p>	<p>Masa tidak dapat ditentukan berapa lama bergantung kepada keperluan dan keadaan seperti jauh atau dekatnya, sama ada, ada kerja sama yang baik daripada keluarga atau sebaliknya.</p>	Ranting nona, air yang telah dibacakan doa, garam, cuka, limau nipis, lidi satay, ais, lada hitam, sarung tangan, kain sarung, tuala mandi dan lain-lain.

3.	Pembersihan Dalam Rumah dan Sekitar.	Mengelakkan pelatih, keluarga dari pelbagai unsur yang membahayakan kehidupan mereka dan merosakkan aqidah dan syariah.	<p>Dimulakan dengan solat taubat dan solat hajat, zikrullah dan doa bagi memperkasa ketakwaan dan tawakal perawat dan pelatih yang kritikal.</p> <p>Mencari dan memusnahkan tangkal azimat, ‘pagar rumah’, barang-barang warisan dan barang-barang yang ada kaitan dengan pelbagai kepercayaan karut.</p> <p>Solat Sunat Taubat dan Hajat. Azan 7 kali, Iqamah 1 kali, Doa qunut 13 kali, Baca Surah Yasin dan al-Ra’d dan doa.</p>	<p>Dilakukan oleh dua orang .</p> <p>Masa 1 hingga 2 jam.</p>	<i>Formic acid</i> , biji lada hitam, garam kasar, pasir yang semuanya telah didoakan.
4.	Rawatan	Membantu pelatih untuk melepaskan diri daripada pelbagai unsur jahat seperti sihir, amalan-amalan salah dan sesat yang menyebabkan seseorang murtad.	<p>Dimulakan dengan solat taubat dan solat hajat, zikrullah dan doa bagi memperkasa ketakwaan dan tawakal perawat dan pelatih yang kritikal.</p> <p>Minum air limau lipis sebanyak 3-5 biji dicampur garam halus satu sudu besar atau lebih dan dicampur dengan air yang telah dibacakan doa (biasanya pelatih akan muntah atau membuang air besar atau air kecil. Ketukan kayu nona di bahagian anggota yang dikenal pasti. Selepas ketukan selesai, dimandikan dengan ais).</p>	<p>Masa 1-2 jam.</p> <p>Bergantung pada keadaan pelatih.</p>	Ranting nona, air yang telah dibacakan doa, garam, cuka, limau nipis, lidi sate, ais, lada hitam, sarung tangan, kain sarung, tuala mandi dan lain-lain.
5.	Pemeriksaan dan Rawatan Ulangan Selawat-Lewatnya Seminggu, Sebaik-Baiknya Selepas Dua atau Tiga Hari.	Untuk mengetahui keadaan pelatih, sama ada unsur-unsur jahat telah hilang, berkurangan atau masih tidak berubah.	<p>Dimulakan dengan solat taubat dan solat hajat, zikrullah dan doa bagi memperkasa ketakwaan dan tawakal perawat dan pelatih yang kritikal.</p> <p>Jika tidak berubah atau perubahan sangat sedikit rawatan hendaklah dilakukan seperti di atas (unit 4).</p> <p>Sekiranya banyak berkurangan maka pelatih perlu diketuk pada tempat-tempat tertentu dan mandi ais.</p>	<p>Masa 1-2 jam.</p> <p>Bergantung pada keadaan pelatih.</p>	Ranting nona, air yang telah dibacakan doa, garam, cuka, limau nipis, lidi sate, ais, lada hitam, sarung tangan, kain sarung, tuala mandi dan lain-lain.

BAHAGIAN C

Program Rawatan
Kerohanian Pelatih

MODEL UMUM PEMULIHAN



BAHAGIAN C
MODUL RAWATAN PEMULIHAN KEROHANIAN
Tahap 3

(C1) Tajuk Aktiviti: Menanggal Sifat-Sifat Buruk / Takhalli (Standard/Biasa)

UNIT	TAJUK	OBJEKTIF	KANDUNGAN KURSUS	LANGKAH-LANGKAH PERLAKSANAAN DAN MASA	ALAT BANTU PEMULIHAN DAN BAHAN RUJUKAN
1.	Taubat dan <i>inabah</i> terpimpin.	Membantu mengikis secara beransur-ansur sifat-sifat dan kelakuan buruk zahir dan batin .	<p>Pelatih mengambil wuduk, kemudian dimandikan sunat taubat sambil beristighfar. Bilasan terakhir dengan air batu kemudian minum air batu.</p> <p>Solat sunat taubat, solat sunat hajat secara berjemaah, mengiringi solat fardhu atau pada waktu lain. Istighfar 1000 kali Zikir tahlil 1000 kali Zikir Allah, Allah 1000 kali</p>	2 jam atau lebih (bergantung kepada keadaan dan keperluan)	Ranting nona, air yang telah dibacakan doa, garam, cuka, limau nipis, lidi sate, ais, lada hitam, sarung tangan, kain sarung, tuala mandi dan lain-lain.
2.	<i>Suhbah</i> (merapatkan hubungan antara pelatih dan perawat seperti eratnya hubungan sahabat dan Rasulullah)	Kesan zahir dan batin yang melimpah dari perawat kepada pelatih (<i>dakwah bi lisan al-hal</i>)	Pelatih seberapa boleh mendampingi perawat dan perawat seberapa boleh mendampingi pelatih.	Tidak dapat ditentukan, lagi lama lagi baik. (sepanjang rawatan)	
3.	Ulangan taubat dan <i>inabah</i> terpimpin.	Supaya dapat menentukan unsur-unsur sifat dan perlakuan buruk zahir dan batin semakin berkurangan dan akhirnya dapat dihapuskan.	<p>Pelatih mengambil wuduk, kemudian dimandikan sunat taubat sambil beristighfar. Bilasan terakhir dengan air batu kemudian minum air batu.</p> <p>Solat sunat taubat, solat sunat hajat secara berjemaah, mengiringi solat fardhu atau pada waktu lain. Istighfar 1000 kali Zikir tahlil 1000 kali Zikir Allah, Allah 1000 kali</p>	2 jam atau lebih (bergantung kepada keadaan dan keperluan)	Ranting nona, air yang telah dibacakan doa, garam, cuka, limau nipis, lidi sate, ais, lada hitam, sarung tangan, kain sarung, tuala mandi dan lain-lain.

(C2) Tajuk Aktiviti: Menanggal Sifat-Sifat Buruk / Takhalli (Separa Kritikal)

UNIT	TAJUK	OBJEKTIF	KANDUNGAN KURSUS	LANGKAH-LANGKAH PELAKSANAAN DAN MASA
1.	Taubat dan <i>inabah</i> terpimpin.	Membantu mengikis secara beransur-ansur sifat-sifat dan kelakuan buruk zahir dan batin.	<p>(Sebelum rawatan)</p> <p>a) Perawat apabila hendak memulakan rawatan mestilah memperkasakan ketaqwaan dan tawakal diri perawat dan pelatih. (surah al-Talaq : 2-3)</p> <p>b) Solat sunat taubat, solat sunat hajat secara berjemaah, mengiringi solat fardhu atau kemudian.</p> <p>c) Pelatih mengambil wuduk, kemudian dimandikan sunat taubat sambil beristighfar. Bilasan terakhir dengan air batu kemudian minum air batu.</p> <p>(Selepas rawatan)</p> <p>a) Perawat solat taubat dan solat hajat serta doa untuk diri dan pelatih.</p> <p>b) Istighfar 1000 kali.</p> <p>c) Zikir tahlil 1000 kali.</p> <p>d) Zikir Allah, Allah 1000 kali.</p>	2 jam atau lebih (bergantung kepada keadaan dan keperluan)
2.	Suhbah (merapatkan hubungan antara pelatih dan perawat seperti eratnya hubungan sahabat dan Rasulullah)	Kesan zahir dan batin yang melimpah dari perawat kepada pelatih (<i>Dakwah Bi Lisan Al-Hal</i>)	Pelatih seberapa boleh mendampingi perawat dan perawat seberapa boleh mendampingi pelatih bertujuan semata-mata mahukan Allah dan keredhaan-Nya.	Tidak dapat ditentukan, lagi lama lagi baik. (sepanjang rawatan)
3.	Ulangan taubat dan <i>inabah</i> terpimpin.	Supaya dapat menentukan unsur-unsur sifat dan perlakuan buruk zahir dan batin semakin berkurangan dan akhirnya dapat dihapuskan	<p>(Sebelum rawatan)</p> <p>a) Perawat apabila hendak memulakan rawatan mestilah memperkasakan ketaqwaan dan tawakal diri perawat dan pelatih. (surah al-Talaq : 2-3)</p> <p>b) Solat sunat taubat, solat sunat hajat secara berjemaah, mengiringi solat fardhu atau kemudian.</p>	2 jam atau lebih (bergantung kepada keadaan dan keperluan)
4.	Meningkatkan amalan zikir dan selawat.	Memperkasakan iman dan taqwa.	Peningkatan zikir dan selawat seperti di atas	4 jam atau lebih

(C3) Tajuk Aktiviti: Menanggalkan Sifat-Sifat Buruk / Takhalli (Kritikal)

UNIT	TAJUK	OBJEKTIF	KANDUNGAN KURSUS	LANGKAH-LANGKAH PELAKSANAAN DAN MASA	ALAT BANTU PEMULIHAN DAN BAHAN RUJUKAN
1.	Pemantauan perawat yang berterusan.	Menyelamatkan pelatih dari pelbagai kemungkinan yang tidak baik atau tidak diingini.	Meletakkan di tempat dan bilik yang khusus dengan dipantau oleh pembantu-pembantu perawat.	Berterusan selama 24 jam	Alat dan bahan yang biasa digunakan seperti yang telah dinyatakan.
2.	Taubat dan inabah terpimpin.	Membantu mengikis secara beransur-ansur sifat-sifat dan kelakuan buruk zahir dan batin.	<p>(Sebelum rawatan)</p> <p>a) Perawat mesti berada dalam Muraqabah Ma'iyyah (surah al-Taubah : 40).</p> <p>b) Berserah kepada Allah menjadi orang <i>mudtar</i> (surah al-Naml : 62).</p> <p>c) Perawat mestilah bersifat <i>azillah</i> dan <i>inkisar</i> (Ali 'Imran : 123).</p> <p>d) Perawat perkasakan ketaqwaan dan tawakal (surah al-Talaq : 2-3).</p> <p>e) Perawat solat taubat dan solat hajat serta doa untuk diri dan pelatih.</p> <p>f) Pelatih mengambil wuduk, kemudian dimandikan sunat taubat sambil beristighfar. Bilasan terakhir dengan air batu kemudian minum air batu.</p> <p>(Selepas rawatan)</p> <p>a) Perawat solat taubat dan solat hajat serta doa untuk diri dan pelatih.</p> <p>b) Istighfar 1000 kali.</p> <p>c) Zikir tahlil 1000 kali.</p> <p>d) Zikir Allah, Allah 1000 kali.</p>	2 jam atau lebih (bergantung kepada keadaan dan keperluan)	Ranting nona, air yang telah dibacakan doa, garam, cuka, limau nipis, lidi sate, ais, lada hitam, sarung tangan, kain sarung, tuala mandi dan lain-lain.

3.	Suhbah (merapatkan hubungan antara pelatih dan perawat seperti eratnya hubungan sahabat dan Rasulullah)	Kesan zahir dan batin yang melimpah daripada perawat kepada pelatih (<i>Dakwah Bi Lisan Al-Hal</i>)	Pelatih seberapa boleh mendampingi perawat dan perawat seberapa boleh mendampingi pelatih bertujuan semata-mata mahukan Allah dan keredhaan-Nya.	Tidak dapat ditentukan, lagi lama lagi baik (sepanjang rawatan).	
4.	Ulangan taubat dan <i>inabah</i> terpimpin.	Supaya dapat menentukan unsur-unsur sifat dan perlakuan buruk zahir dan batin semakin berkurangan dan akhirnya dapat dihapuskan	(Sebelum rawatan) a) Perawat apabila hendak memulakan rawatan mestilah memperkasakan ketaqwaan dan tawakal diri perawat dan pelatih. (surah al-Talaq : 2-3) b) Solat sunat taubat, solat sunat hajat secara berjemaah, mengiringi solat fardhu atau kemudian. c) Pelatih mengambil wuduk, kemudian dimandikan sunat taubat sambil beristighfar. Bilasan terakhir dengan air batu kemudian minum air batu. (Selepas rawatan) a) Perawat solat taubat dan solat hajat serta doa untuk diri dan pelatih. b) Istighfar 1000 kali. c) Zikir tahlil 1000 kali. d) Zikir Allah, Allah 1000 kali	2 jam atau lebih (bergantung kepada keadaan dan keperluan)	

BAHAGIAN D

Program Rawatan
Kerohanian Pelatih

MODUL PENYESUAIAN DAN PENYELESAIAN MASALAH

D1

MENANAM SIFAT-SIFAT TERPUJI / TAHALLI (BIASA)

D2

MENANAM SIFAT-SIFAT TERPUJI / TAHALLI (SEPARA KRITIKAL)

D3

MENANAM SIFAT-SIFAT TERPUJI / TAHALLI (KRITIKAL)

D1 iaitu menanam sifat-sifat terpuji / *tahalli* (*standard/biasa*) yang terdiri daripada tiga tajuk iaitu sentiasa berzikrullah dan tafakur / *muraqabah* (menyebut namaNya, *muraqabah* pada wujudNya, *muraqabah* sifat-sifat Jalal dan *muraqabah* sifat-sifat Jamal-Nya) seperti dalam firman-Nya:

(وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا); *suhbah* (merapatkan hubungan antara pelatih dan perawat seperti eratnya hubungan sahabat dan Rasulullah); taubat dan *inabah* terpimpin. (Ulangan taubat dan *inabah* terpimpin; mengulang unit 1, jika boleh setiap hari)

D2 iaitu modul rawatan kerohanian pelatih menanam sifat-sifat terpuji / *tahalli* (*separa kritikal*) dengan cara meningkatkan lagi tiga tajuk seperti D1 iaitu sentiasa berzikrullah dan tafakur / *muraqabah* (menyebut namaNya, *muraqabah* pada wujud-Nya, *muraqabah* sifat-sifat Jalal dan *muraqabah* sifat-sifat Jamal-Nya) seperti dalam firman-Nya:

(وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا); taubat dan *inabah* terpimpin; *suhbah* (merapatkan hubungan antara pelatih dan perawat seperti eratnya hubungan sahabat dan Rasulullah). Ulangan taubat dan *inabah* terpimpin. (Dengan pengawasan dan pemantauan yang berterusan oleh perawat)

D3 iaitu modul rawatan kerohanian pelatih menanam sifat-sifat terpuji / *tahalli* (*kritikal*) yang terdiri daripada tiga tajuk iaitu sentiasa berzikrullah dan tafakur / *muraqabah* (menyebut namaNya, *muraqabah* pada wujud-Nya, *muraqabah* sifat-sifat Jalal dan *muraqabah* sifat-sifat Jamal-Nya) seperti dalam firman-Nya:

(وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا); taubat dan *inabah* terpimpin; *suhbah* (merapatkan hubungan antara pelatih dan perawat seperti eratnya hubungan sahabat dan Rasulullah). Ulangan taubat dan *inabah* terpimpin. (Dengan pengawasan dan pemantauan yang berterusan oleh perawat)

BAHAGIAN D
MODUL ISTITABAH RAWATAN KEROHANIAN PELATIH

(D1) Tajuk Aktiviti: Menanam Sifat-Sifat Terpuji / Tahalli (Standard/Biasa)

UNIT	TAJUK	OBJEKTIF	KANDUNGAN KURSUS	LANGKAH-LANGKAH PERLAKSANAAN DAN MASA	ALAT BANTU PEMULIHAN DAN BAHAN RUJUKAN
1.	Sentiasa berzikrullah dan tafakur/ muraqabah (menyebut nama-Nya, muraqabah pada wujud-Nya, muraqabah sifat-sifat Jalal dan muraqabah sifat-sifat Jamal-Nya) seperti dalam firman-Nya: <i>(وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا)</i>	Mewujudkan keseimbangan zahir dan batin, akal dan hati, perasaan dan kesedaran pelatih.	Zikir tahlil Zikir Allah Allah Selawat nabi terus menerus seberapa yang boleh.	Ikut keperluan dan kesempatan, bergantung kepada kebijaksanaan perawat tetapi sekurang-kurangnya setengah jam siang dan setengah jam malam.	Sentiasa berzikrullah dan tafakur/ muraqabah (menyebut nama-Nya, muraqabah pada wujud-Nya, muraqabah sifat-sifat Jalal dan muraqabah sifat-sifat Jamal-Nya) seperti dalam firman-Nya: <i>(وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا)</i>
2.	<i>Suhbah</i> (merapatkan hubungan antara pelatih dan perawat seperti eratnya hubungan sahabat dan Rasulullah)	Kesan sifat-sifat zahir dan batin yang melimpah dari pada perawat kepada pelatih seperti sabar, syukur, redha, ikhlas, <i>qina'ah</i> dan lain-lain (<i>Dakwah Bi Lisan Al-Hal</i>)	Pelatih seberapa boleh mendampingi perawat dan perawat seberapa boleh mendampingi pelatih bertujuan semata-mata mahukan Allah dan keredhaan-Nya.	Tidak dapat ditentukan, lagi lama lagi baik. (sepanjang rawatan)	<i>Suhbah</i> (merapatkan hubungan antara pelatih dan perawat seperti eratnya hubungan sahabat dan Rasulullah)
3.	Mengulang unit 1, jika boleh setiap hari	Mewujudkan keseimbangan zahir dan batin, akal dan hati, perasaan dan kesedaran pelatih.	Zikir tahlil Zikir Allah Allah - Selawat nabi terus menerus seberapa yang boleh.	Ikut keperluan dan kesempatan, bergantung kepada kebijaksanaan perawat tetapi sekurang-kurangnya setengah jam siang dan setengah jam malam.	Mengulang unit 1, jika boleh setiap hari

(D2) Tajuk Aktiviti: Menanam Sifat-Sifat Terpuji / *Tahalli* (Separa Kritikal)

UNIT	TAJUK	OBJEKTIF	KANDUNGAN KURSUS	LANGKAH-LANGKAH PERLAKSANAAN DAN MASA	ALAT BANTU PEMULIHAN DAN BAHAN RUJUKAN
1.	Sentiasa berzikrullah dan tafakur/ muraqabah (menyebut nama-Nya, muraqabah pada wujud-Nya, muraqabah sifat-sifat Jalal dan muraqabah sifat-sifat Jamal-Nya) seperti dalam firman-Nya: <i>(وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمْعًا)</i>	Mewujudkan keseimbangan zahir dan batin, akal dan hati, perasaan dan kesedaran pelatih.	Zikir tahlil Zikir Allah Allah Selawat nabi terus menerus seberapa yang boleh.	Ikut keperluan dan kesempatan, bergantung kepada kebijaksanaan perawat tetapi sekurang-kurangnya setengah jam siang dan setengah jam malam.	
2.	<i>Suhbah</i> (merapatkan hubungan antara pelatih dan perawat seperti eratnya hubungan sahabat dan Rasulullah)	Kesan sifat-sifat zahir dan batin yang melimpah dari perawat kepada pelatih seperti sabar, syukur, redha, ikhlas, <i>qina'ah</i> dan lain-lain (<i>Dakwah Bi Lisan Al-Hal</i>).	Pelatih seberapa boleh mendampingi perawat dan perawat seberapa boleh mendampingi pelatih bertujuan semata-mata mahukan Allah dan keredhaan-Nya.	Tidak dapat ditentukan, lagi lama lagi baik. (sepanjang rawatan)	<i>Suhbah</i> (merapatkan hubungan antara pelatih dan perawat seperti eratnya hubungan sahabat dan Rasulullah)
3.	Bimbingan hikmah Ilahiyyah (<i>Surah Al-Nahl</i> : 125)	Menghidupkan akal	Bimbingan perawat yang menjurus kepada perkara-perkara yang positif dan menolak kepada perkara yang negatif. Mencungkil bakat-bakat positif yang terpendam dalam diri pelatih	Bimbingan hikmah Ilahiyyah (<i>Surah Al-Nahl</i> : 125)	
4.	Mengulang unit 1, jika boleh setiap hari	Mewujudkan keseimbangan zahir dan batin, akal dan hati, perasaan dan kesedaran pelatih.	Zikir tahlil Zikir Allah Allah Selawat nabi terus menerus seberapa yang boleh.	Ikut keperluan dan kesempatan, bergantung kepada kebijaksanaan perawat tetapi sekurang-kurangnya setengah jam siang dan setengah jam malam.	Mengulang unit 1, jika boleh setiap hari

(D3) Tajuk Aktiviti: Menanam Sifat-Sifat Terpuji / *Tahalli* (Kritikal)

UNIT	TAJUK	OBJEKTIF	KANDUNGAN KURSUS	LANGKAH-LANGKAH PERLAKSANAAN DAN MASA	ALAT BANTU PEMULIHAN DAN BAHAN RUJUKAN
1.	Sentiasa berzikrullah dan tafakur/ muraqabah (menyebut nama-Nya, muraqabah pada wujud-Nya, muraqabah sifat-sifat Jalal dan muraqabah sifat-sifat Jamal-Nya) seperti dalam firman-Nya: وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا	Mewujudkan keseimbangan zahir dan batin, akal dan hati, perasaan dan kesedaran pelatih.	Zikir tahlil Zikir Allah Allah Selawat nabi terus menerus seberapa yang boleh.	Ikut keperluan dan kesempatan serta bergantung kepada kebijaksanaan perawat tetapi sekurang-kurangnya setengah jam siang dan setengah jam malam.	
2.	<i>Suhbah</i> (merapatkan hubungan antara pelatih dan perawat seperti eratnya hubungan sahabat dan Rasulullah)	Kesan sifat-sifat zahir dan batin yang melimpah dari perawat kepada pelatih seperti sabar, syukur, redha, ikhlas, <i>qina'ah</i> dan lain-lain (<i>Dakwah Bi Lisan Al-Hal</i>).	Pelatih seberapa boleh mendampingi perawat dan perawat seberapa boleh mendampingi pelatih bertujuan semata-mata mahukan Allah dan keredaan-Nya.	Tidak dapat ditentukan, lagi lama lagi baik. (sepanjang rawatan)	
3.	Bimbingan hikmah Ilahiyyah (<i>Surah Al-Nahl</i> : 125)	Menghidupkan akal	Bimbingan perawat yang menjurus kepada perkara-perkara yang positif dan menolak kepada perkara yang negatif. Mencungkil bakat-bakat positif yang terpendam dalam diri pelatih		
4.	Memfokuskan usaha dalam membanteras faktor-faktor penyebab gejala kritikal pelatih	Menghilangkan pengaruh syaitan.	Memfokuskan usaha dalam mencari faktor-faktor penyebab gejala kritikal yang disebabkan oleh gaya hidup.	Berusaha membongkar rahsia-rahsia pelatih yang dianggap terlalu peribadi dengan cara hikmah. Masa mengikut keperluan dan kesempatan, bergantung kepada kebijaksanaan perawat.	
5.	Mengulang unit 1, jika boleh setiap hari	Mewujudkan keseimbangan zahir dan batin, akal dan hati, perasaan dan kesedaran pelatih.	Zikir tahlil Zikir Allah Allah Selawat nabi terus menerus seberapa yang boleh.	Ikut keperluan dan kesempatan, bergantung kepada kebijaksanaan perawat tetapi sekurang-kurangnya setengah jam siang dan setengah jam malam.	

BAHAGIAN E

Program Rawatan Kerohanian Pelatih

MODUL PENGUKUHAN DAN PEMANTAPAN

E1 MURAQABAH MUTLAQ DAN TAZAKKUR (ALLAH MAHA MELIHAT, MAHA MENDENGAR DAN MAHA MENGETAHUI)

- Zikir tahlil
- Zikir Allah Allah
- Selawat nabi terus menerus seberapa yang boleh sambil bermuraqabah mutlaq
- Membaca al-Quran

E2 MURAQABAH MA'IYAH DAN TAZAKKUR (ALLAH BESERTA MAKSUD SURAH AL-HADID: 4)

Bersungguh-sungguh merasa dan menyedarkan hati bahawa Allah sentiasa beserta dengan dirinya. Kurnia dan rahmat Allah sentiasa melimpah ke atas dirinya. Baca di dalam hati...
(...) لَا تَحْرُنْ إِنَّ اللَّهَ مَعَنَا ...)

Al-Taubah: 40

E3 SUHBAH (MERAPATKAN HUBUNGAN ANTARA PELATIH DAN PERAWAT SEPERTI ERATNYA HUBUNGAN SAHABAT DAN RASULULLAH)

Pelatih seberapa boleh mendampingi perawat dan perawat seberapa boleh mendampingi pelatih bertujuan semata-mata mahukan Allah dan keredaan-Nya. Ini dapat dicapai dengan cara:

- Pelatih mesti mengikuti apa juga program ibadat seperti solat yang wajib mahupun yang sunat, membaca al-Quran, wirid dan zikir sebagainya.
- Pelatih mesti mengikuti program perawat dalam aktiviti ilmu dakwah. Baik diadakan di tempat latihan mahupun di luar, seperti di masjid, sekolah, madrasah atau surau.
- Pelatih juga mesti mengikuti program kerja-kerja amal dalam masyarakat seperti kenduri kendara, gotong-royong, ziarah dan sebagainya.

E4 MENGULANG UNIT 1 DAN 2 JIKA BOLEH SETIAP HARI SEPANJANG MASA

- Zikir tahlil
- Zikir Allah Allah
- Selawat nabi terus menerus seberapa yang boleh
- Melazimkan diri dengan akhlak yang Mahmudah (terpuji)

BAHAGIAN E
(PENGUKUHAN)
MODUL ISTITABAH RAWATAN KEROHANIAN PELATIH

(E1) Tajuk Aktiviti: Penghayatan Aktiviti B, C Dan D (*Tajalli*)

UNIT	TAJUK	OBJEKTIF	KANDUNGAN KURSUS	LANGKAH-LANGKAH PERLAKSANAAN DAN MASA	ALAT BANTU PEMULIHAN DAN BAHAN RUJUKAN
1.	<i>Muraqabah Mutlaq</i> dan <i>Tazakkur</i> (Allah Maha Melihat, Maha Mendengar dan Maha Mengetahui)	Mewujudkan keseimbangan antara sifat takut kepada Allah (<i>Khauf</i>) dengan sifat mengharap rahmat-Nya (<i>Raja</i>) supaya menjadi <i>Ummatan Wasatan</i> (maksud surah al-Baqarah: 143 dan surah Ali 'Imran: 110)	Zikir tahlil Zikir Allah Allah Selawat nabi terus menerus seberapa yang boleh sambil ber <i>Muraqabah Mutlaq</i> .	Sekurang-kurangnya 1 jam. Lebih dari 1 jam lebih baik, kerana matlamat akhirnya supaya muraqabah mutlaq dan tafakkur sebatи dalam hidup.	
2.	<i>Muraqabah Ma'iyyah</i> dan <i>Tazakkur</i> (Allah beserta maksud surah al-Hadid: 4)	Mewujudkan kekuatan hidup zahir dan batin seperti <i>Ulu al-Albab</i>		Sekurang-kurangnya 1 jam. Lebih dari 1 jam lebih baik, kerana matlamat akhirnya supaya muraqabah mutlaq dan tafakkur sebatи dalam hidup.	

3.	<p>Suhbah (merapatkan hubungan antara pelatih dan perawat seperti eratnya hubungan sahabat dan Rasulullah)</p>	<p>Kesan sifat-sifat zahir dan batin yang melimpah dari perawat kepada pelatih seperti sabar, syukur, redha, ikhlas, qina'ah dan lain-lain (Dakwah Bi Lisan Al-Hal).</p>	<p>latih seberapa boleh mendampingi perawat dan perawat seberapa boleh mendampingi pelatih bertujuan semata-mata mahukan Allah dan keredhaan-Nya. Ini dapat dicapai dengan cara:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Pelatih mesti mengikuti apa juga program ibadat seperti solat yang wajib mahupun yang sunat, membaca al-Quran, wirid dan zikir dan sebagainya. b) Pelatih mesti mengikuti program perawat dalam aktiviti ilmu dan dakwah. Baik yang diadakan di tempat latihan mahupun di luar, seperti di masjid, sekolah, madrasah atau surau. c) Pelatih juga mesti mengikuti program kerja-kerja amal dalam masyarakat seperti kenduri kendara, gotong-royong, ziarah dan sebagainya. 	<p>Masanya ialah daripada awal program sampai tamat program (dalam 1, 2 dan 3) mungkin mengambil masa sekurang-kurangnya 1 jam atau lebih.</p>	
4.	<p>Mengulang unit 1 dan 2, jika boleh setiap hari sepanjang masa</p>	<p>Mewujudkan keseimbangan zahir dan batin, akal dan hati, perasaan dan kesedaran pelatih.</p>	<p>Zikir tahlil Zikir Allah Allah Selawat nabi terus menerus seberapa yang boleh.</p>	<p>Ikut keperluan dan kesempatan, bergantung kepada kebijaksanaan perawat tetapi sekurang-kurangnya setengah jam siang dan setengah jam malam.</p>	

PROSEDUR KENDALIAN STANDARD (SOP) RAWATAN SPIRITAL ISLAM (RSI) ISTITABAH™

**PROSEDUR KENDALIAN STANDARD (SOP) RAWATANINI HENDAKLAH DIBACA DAN SENTIASA DIHALUSI OLEH
PERAWAT DAN PENGIRING DARI SEMASA KE SEMASA SERTA DIBAWA BERSAMA KETIKA SESI RAWATAN.**

VISI KHIDMAT RSI ISTITABAH™

1. Penyakit yang dirawat sembuh atau setidak-tidaknya beransur sembuh.
2. Keadaan psikologi dan emosi pelatih menjadi baik dan stabil.
3. Kefahaman agama pelatih benar dan amalan baiknya istiqamah.
4. Gaya hidup pelatih baik dan seimbang.
5. Kehidupan dan hubungan sosial pelatih pulih.

MISI KHIDMAT RSI ISTITABAH™

1. Memberi rawatan kaedah RSI Istitabah™.
2. Memberi nasihat agama mengenai akidah dan syariah yang mampu menyedarkan akal dan hati.
3. Memberi sokongan psikologi dan emosi.
4. Memberi nasihat mengenai gaya hidup yang baik, bersih dan sihat dari perspektif Islam dan perubatan.
5. Meningkatkan usaha memperbaiki hubungan sosial pelatih.

1. KEHADIRAN PELATIH BERSAMA PENGIRING

- 1.1 Pelatih hadir ke bilik rawatan bersama pengiring.
- 1.2 Pengiring terdiri daripada kakitangan yang bertugas.
- 1.3 Kehadiran pelatih berdasarkan kepada jadual rawatan.
- 1.4 Pengiring hendaklah menyediakan peralatan dan barang keperluan rawatan.

2. PENDAFTARAN

- 2.1 Pelatih yang menerima rawatan kali pertama, akan diberi kad rekod rawatan berwarna kuning oleh perawat untuk diisi.
- 2.2 Perawat petugas hendaklah menyemak kad pelatih sebelum rawatan dimulakan bagi pelatih ulangan.
- 2.3 Perawat hendaklah mendapatkan diagnosis bagi pelatih dan direkodkan dalam kad rawatan.
- 2.4 Kad rekod pelatih hendaklah disimpan. (Tidak boleh dibiarkan di atas meja), kerana kad rekod pelatih adalah merupakan rahsia pelatih yang tidak boleh diketahui oleh orang lain tanpa izin.
- 2.5 Pada akhir sesi rawatan, kad rekod rawatan pelatih hendaklah diserahkan kepada pengiring.
- 2.6 Semua perawat dan pengiring hendaklah bertanggungjawab terhadap keselamatan dan kerahsiaan kad rekod tersebut.

3. PENERANGAN LENGKAP

- 3.1 Perawat menerangkan kaedah RSI Istitabah™ sejelas-jelasnya. Antara lain, menjelaskan rawatan dibuat dengan pukulan atau ketukan secara perlahan-lahan dengan cara mengangkat ranting yang digunakan untuk mengetuk pelatih setinggi 45°.

- 3.2 Perawat hendaklah menjelaskan rasa sakit kesan pukulan tersebut. Hendaklah juga dijelaskan rasa sakit kadang-kadang terlalu sakit sehingga terasa macam tidak tertanggung atau tidak tertahan.
- 3.3 Hendaklah dijelaskan rasa sakit yang tersebut menunjukkan adanya angin (jangan sekali-kali disebut jin atau syaitan, sekiranya ditanya angin apa, maka dijawab ia adalah angin jahat) penyakit di tempat yang diketuk. Bila angin yang diketuk itu pecah dan habis pecah semuanya, rasa sakit akan hilang. Malahan kalau pukulan dikuatkan di tempat tersebut pun tak terasa sakit tapi akan merasa kebas.
- 3.4 Hendaklah dijelaskan permukaan kulit yang diketuk biasanya akan bertukar warna menjadi lebam berwarna seperti warna jantung pisang. Kadang-kadang tempat yang diketuk itu menjadi bengkak. Kadang-kadang bengkak tersebut menjadi besar sehingga menakutkan pelatih dan keluarga. Hendaklah diterangkan lebam dan bengkak tersebut menandakan pukulan memberi kesan yang baik terhadap pelatih.
- 3.5 Hendaklah dijelaskan juga bengkak dan lebam bukanlah menandakan berlakunya pendarahan, tetapi semata-mata berlakunya pecah angin yang berada di bawah kulit.
- 3.6 Hendaklah dijelaskan lebam dan bengkak tersebut biasanya akan hilang sepenuhnya. Biasanya mengambil tempoh beberapa hari bergantung kepada keadaan fizikal seseorang individu. Yang biasa berlaku dalam masa 3 hingga 7 hari akan hilang sepenuhnya. Dalam kes-kes tertentu disebabkan oleh keadaan fizikal pelatih, lebam dan bengkak akan hilang dalam tempoh yang lama sehingga kadang-kadang sampai 1 atau 2 bulan. Bagaimanapun kes seperti ini dianggap sebagai kes terpencil.
- 3.7 Sekiranya dipercayai penyakit disebabkan oleh makhluk halus iaitu jin atau syaitan, maka hendaklah diterangkan bahawa jin dan syaitan boleh masuk ke tubuh kita disebabkan oleh salah satu daripada beberapa sebab yang berikut:

PERTAMA:

Jin atau syaitan itu masuk sendiri, disebabkan marah ataupun disebabkan suka.

KEDUA:

Sebab sihir, sama ada disihir oleh orang atau kadang-kadang disihir oleh diri sendiri seperti memakai tangkal, pagar rumah dan sebagainya.

KETIGA:

Sebab ilmu salah yang dituntut atau diamalkan, seperti ilmu pertahankan diri, syarat tubuh wanita, seri muka dan sebagainya.

KEEMPAT:

Sebab keturunan atau DNA. Misalnya, mak sendawa, anak sendawa, mak sakit asma, anak sakit asma

KELIMA:

Sebab gaya hidup yang boleh mendedahkan diri masuknya jin atau syaitan, seperti suka mandi-manda di tasik, air terjun, berkhemah di hutan, suka menyimpan barang-barang antik seperti keris, buluh tumpat, tempurung tak bermata, batu sungai, cebisan kelambu Kaabah, batu cincin yang berjampi dan lain-lain.

4. PENJELASAN TENTANG SAKA

- 4.1 Perawat wajib ingat masalah saka sangat sensitif dalam pandangan masyarakat. Oleh itu perawat jangan terlalu mudah menyebutkan kalimah saka tersebut. Bagi sesetengah orang, kalimah saka sangat sensitif, kerana bagi mereka saka bermakna hantu raya peliharaan keluarga. Mereka mudah terkejut dan melenting, mudah marah, mudah tertekan, mudah malu, bila terasa perawat seolah-olah menuduhnya mempunyai saka hantu raya.

- 4.2 Walaupun dalam renungan perawat, penyakit yang ditanggung oleh seorang yang telah diperiksa, disebabkan saka, jangan sekali-kali dizahirkan, tetapi hendaklah dirahsiakan. Maksudnya, perawat jangan menyebutkan “*penyakit ini disebabkan saka*”. Adalah sangat bahaya menyebutkan ungkapan tersebut. Sekiranya pelatih atau keluarga mempersoal ungkapan tersebut tentu perawat mati akal. Ada kemungkinan mereka akan berkata: “*Macam mana awak boleh yakin saya ada saka? Saya berubat banyak tempat, tiada seorang pun yang mengatakan saya ada saka..! Kata-kata inilah yang saya tak suka..! Pandai-pandai menilik-nilik pulak! Awak cakap benda yang awak tak yakin. Awak nampak ke saka saya itu?*” dan pelbagai persoalan lagi.
- 4.3 Jika perawat mengesyaki memang ada kemungkinan sebab saka, maka perawat hendaklah buat soal selidik secara langsung kepada pelatih dan saudara mara yang mengiringinya dengan bertanyakan keadaan kesihatan saudara mara atau adik beradik, ibu bapa dan datuk nenek. Jawapan yang diberikan oleh mereka dapat membantu perawat untuk memastikan benarnya wujud faktor saka. Bagaimanapun perawat hendaklah sembunyikan rahsia saka tersebut. Perawat bolehlah menyebutkan: “*penyakit awak ni macam sama dengan penyakit mak bapa dan adik beradik awak..!*” atau kata-kata lain yang tidak ada mengandungi unsur-unsur tuduhan mereka mempunyai saka. Tegasnya perawat hendaklah bersikap bijaksana dalam usaha menyembunyikan faktor saka tersebut.

Sekiranya pelatih sendiri atau keluarga bertanya: “adakah penyakit yang dideritai itu disebabkan saka?”, maka hendaklah dijawab: “Saya tak tahu, mungkin juga disebabkan saka, tapi sebenarnya saya tak tahu. Selepas kita rawat insha Allah kita boleh dapat isyarat atau tanda-tanda yang menunjukkan faktor sebenar yang menyebabkan penyakit ini.”

Peringatan Penting:

Sekiranya perawat selesai merawat pelatih dan memperoleh isyarat atau tanda-tanda yang menunjukkan adanya saka, perawat janganlah menyebut-nyebut kalimah saka tersebut. Gunakan kata-kata atau ungkapan-ungkapan yang lain. Maksudnya perawat hendaklah menyembunyikan juga sebab saka. Sekiranya terpaksa menyebutkan saka, maka jangan lupa disebutkan: “*saya tak tahu, mungkin ada kemungkinan wujudnya saka*”.

- 4.4 Sekiranya perawat memang dah yakin sebab saka, pelatih dan keluarga pun sudah menerima hakikat faktor saka, maka perawat tidak boleh sama sekali membuat apa-apa arahan untuk membakar atau membuang apa-apa juga item atau barang atau benda yang berkaitan dengan saka. Bagaimana pula caranya untuk menyelesaikan masalah tersebut? Jawapannya, perawat hendaklah menyuruh pelatih atau keluarga mengisi borang pulih rumah. Pasukan pemulih rumah akan memeriksa dan menentukan barang-barang saka yang perlu dibuang, dibakar atau sebagainya.
- 4.5 Perawat yang sudah yakin penyakit disebabkan saka daripada ibu, bapa, datuk atau nenek, jangan sekali-kali menyuruh pelatih itu balik ke rumah tanpa rawatan. Perawat hendaklah merawat pelatih tersebut. Melalui rawatan yang diberikan, dapat membantu perawat dan juga pelatih untuk menambahkan keyakinan terhadap faktor saka. Rawatan yang diberikan tersebut juga dapat membantu untuk menyelongkar sebab-sebab lainnya seperti sihir, amalan yang salah dan sebagainya.
- 4.6 Sekiranya pelatih dan keluarga perlu mendapat keterangan tentang wujudnya saka pada seseorang, maka perawat hendaklah menjelaskan beberapa perkara seperti di bawah ini:

PERTAMA:

Wujudnya saka bukan hanya disebabkan ibu bapa atau datuk nenek, ada berkawan dengan jin atau syaitan.

KEDUA:

Tidak juga disebabkan semata-mata kerana ilmu salah yang menggunakan khidmat jin atau syaitan yang diamalkan oleh keluarga.

KETIGA:

Wujud saka pada datuk nenek ibu bapa, disebabkan sihir yang tidak berjaya dikeluarkan dan disembuhkan sepenuhnya, yang terus menghuni di dalam tubuh. Contohnya, satu keluarga yang mempunyai 3 orang anak, tiba-tiba ketiga-tiga anak mengidap sakit sawan. Bila rawatan diberikan didapati penyakit sawan ketiga-tiga anak adalah disebabkan saka daripada ibunya. Jin dalam badan ibunya adalah disebabkan sihir yang dilakukan oleh bekas tunangnya. Apabila jin pada tubuh ibunya berjaya dikeluarkan, penyakit ketiga-tiga anak sembuh serta merta.

KEEMPAT:

Wujudnya saka mungkin disebabkan jin atau syaitan masuk sendiri. Contohnya: seorang bapa yang menjadi askar telah diresapi oleh jin tanah ketika duduk-duduk di dalam hutan. Jin tanah tersebut menyebabkan hamba Allah tersebut sakit berbulan-bulan. Setelah diubati dan penyakitnya sembuh, namun jin tetap duduk dalam dirinya. Akhirnya jin tanah itu menjadi saka kepada anak cucunya. Anak cucunya menghadapi pelbagai penyakit.

KELIMA:

Wujudnya saka mungkin disebabkan gaya hidup ibu bapa atau datuk nenek. Sebagai contoh, seorang perempuan menghidap penyakit misteri. Suka memukul suami serta menghalang suami daripada bekerja dan melakukan kelakuan-kelakuan perbuatan pelik. Setelah dirawat didapati penyebab saka daripada ibunya. Dalam badan ibunya ada jin disebabkan ibunya memakai kosmetik yang berjampi. Daripada kosmetik itulah jin masuk ke tubuh si ibu dan terus menjadi saka.

KEENAM:

Wujudnya faktor saka mungkin daripada orang atau individu lain yang rapat, seperti pemandu dengan bos, seperti pegawai-pegawai hospital dengan pelatih, seperti dua orang kawan yang berkawan rapat, seperti jiran sesama jiran, seperti hubungan murid dengan guru di sekolah di pusat-pusat pengajian, seperti hubungan seorang dengan bomoh atau pawang atau pesilat.

- 4.7 Perawat hendaklah menjelaskan adanya kemungkinan jin atau syaitan boleh masuk ke tubuh kita walaupun kita seorang yang alim besar, selalu baca Quran, berwirid, berzikir dan selalu berpuasa. Di dalam Quran diterangkan Nabi Allah Ayyub pun dimasuki oleh syaitan,firman Allah

وَأَذْكُرْ عَبْدَنَا أَيُّوبَ إِذْ نَادَى رَبَّهُ وَأَنِّي مَسَّنِي الشَّيْطَانُ بِنُصُبٍ وَعَذَابٍ ﴿٤١﴾

Maksudnya: *Dan (ingatkanlah peristiwa) hamba Kami: Nabi Ayub ketika dia berdoa merayu kepada Tuhananya dengan berkata: Sesungguhnya Syaitan memasuki tubuhku sehingga aku merasa sangat susah dan sakit.*

(Surah Sad: 41)

5. PEMERIKSAAN PENYAKIT UNTUK DIAGNOSIS

- 5.1 Pemeriksaan penyakit hanya boleh dilakukan oleh perawat yang berpengalaman sahaja.
- 5.2 Pemeriksaan penyakit seseorang pelatih hendaklah dilakukan di dalam bilik khas, bilik pemeriksaan.
- 5.3 Bagi pelatih wanita, hendaklah ditemani oleh mahramnya atau pengiring kecuali perawat seorang wanita juga.
- 5.4 Perawat hendaklah memberikan penerangan yang lengkap dan jelas kaedah pemeriksaan yang akan dilakukan, kerana pemeriksaan akan melibatkan bahagian-bahagian tertentu seperti sentuhan tangan, kepala, bahu, dagu, dahi dan lain-lainnya, kerana bagi sesetengah orang, menyentuh anggota tubuh badan menjadi pantang larang.

6. KADEAH PUKULAN

Rawatan dimulai dengan membaca bacaan di bawah ini:

6.1 Membaca:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

6.2 Membaca:

أَشْهُدُ أَن لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً رَسُولُ اللَّهِ

6.3 Membaca:

لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

6.4 Membaca:

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ يَا كَرِيمُ

6.5 Membaca:

اللَّهُمَّ يَا اللَّهُ يَا بَدِيعَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ يَا مَالِكَ الْمُلْكِ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ يَا قَوِيُّ يَا عَزِيزُ يَا جَبَّارُ يَا مُتَكَبِّرُ يَا فَتَّاحُ يَا وَهَابُ يَا عَلِيمُ يَا حَكِيمُ يَا خَبِيرُ يَا رَحْمَنُ يَا رَحِيمُ يَا لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ.

6.6 Bertawassul dan *Rabitah*.

6.7 Membaca Manzil sekali.

6.8 Duduk dalam *muraqabah ma'iyyah*.

6.9 Barulah dimulakan ketukan di tempat yang telah didiagnosis.

7. MENJAGA KELUHURAN AKHLAK ISLAM

- 7.1 Perawat wajib menjaga sifat takwa dan tawakal yang sebenarnya seperti yang dimaksudkan oleh firman Allah yang bermaksud; “*Sesiapa yang bertakwa kepada Allah, Allah akan jadikan jalan keluar dari berbagai masalah untuknya dan diberikan rezeki yang tidak disangka-sangka. Sesiapa yang bertawakal kepada Allah, maka cukuplah Allah sebagai tempat pertanggungan hatinya*” (surah al-Talaq: 2-3).
- 7.2 Perawat wajib menjaga akhlak Islam, tanpa bersikap meringan-ringankannya. Akhlak yang luhur, mulia lagi bersih dari sebarang unsur buruk.
- 7.3 Sentiasa bersifat hati ikhlas, sedia membantu pelatih apa juga yang sepatutnya, tidak menyusahkan atau membebankan lagi fikiran dan perasaannya.

- 
- 7.4 Perawat tidak dibenarkan merawat pelatih perempuan yang dilihatnya sangat mengoda dirinya, atau sangat manja terhadapnya, atau yang kelihatan sukakan dirinya dan pelatih lain yang seumpamanya.
 - 7.5 Bersikap mesra pelatih, keluarga dan pelanggan.

8. KESALAHAN-KESALAHAN ETIKA SEMASA RAWATAN

- 8.1 Pukulan kuat sekehendak hati sehingga menjadi libasan dan amukan kepada pelatih, kadang-kadang diikuti dengan bahasa yang kasar seperti, *keluar tak...keluar tak...keluar tak?*
- 8.2 Memukul pelatih pada tempat yang tidak sepatutnya seperti di tempat meletak kereta, sebaik saja keluar dari kereta segera dipukul sedangkan pelatih belum lagi mendaftar dan juga belum diperiksa.
- 8.3 Banyak bercakap perkara sia-sia semasa ketukan. Demikian juga bercakap berlebih-lebih mengenai kebaikan, kerana ia boleh menghilangkan tumpuan pukulan. Akhirnya menjadi lebih seronok bercakap daripada mengubat. Pelatih dan keluarga yang hadir bersama boleh menjadi muak.
- 8.4 Membiarakan aurat pelatih terdedah sama ada lelaki maupun perempuan.
- 8.5 Tidak menjaga kebersihan badan perawat, memakai pakaian yang tidak sesuai, misalnya memakai pakaian yang berpeluh dan berbau, atau berkain pelekat, berjubah.
- 8.6 Memukul tempat larangan tanpa ditutup seperti buah dada, punggung. Seboleh-bolehnya perlu berlapik.
- 8.7 Meneruskan pukulan tanpa membuat langkah yang sepatutnya bagi pelatih yang meraung-raung tidak berhenti-henti.
- 8.8 Ketika memukul menceritakan kelemahan kaedah-kaedah rawatan lain, terutamanya ketika ada provokasi daripada pelatih atau keluarganya.
- 8.9 Memegang pelatih perempuan dengan cara yang berlawanan dengan syariat. Contohnya memegang anggota perempuan tanpa berlapik terutamanya di bahagian muka.
- 8.10 Perawat menunjukkan kehandalannya dengan kata-kata yang memuji diri sendiri. Hendaklah kelakuan sebaliknya, merendah diri.
- 8.11 Tidak mematuhi arahan RSI Istitabah.
- 8.12 Perawat yang menghadapi masalah pelatih yang rumit tidak mahu menghubungi orang lebih senior.
- 8.13 Perawat menyebutkan syarat-syarat dan perkara-perkara yang bukan-bukan sehingga menakutkan pelatih dan keluarga, seperti semua barang peninggalan arwah dibakar secara serentak.
- 8.14 Perawat tidak bertanya kepada pelatih atau keluarga berbagai kemungkinan dalam sejarah hidup pelatih, seperti pernah jatuh, pernah sakit, pernah berubat dengan mana-mana pihak dan lain-lain.
- 8.15 Perawat merasakan atau mengiktikadkan pukulannya tentu menyembuhkan penyakit, disertai dengan rasa geram.
- 8.16 Perawat melayan provokasi jin. Sepatutnya perawat hendaklah mengantikannya dengan doa, bacaan ruqyah dan sebagainya.
- 8.17 Perawat mengislamkan jin.
- 8.18 Tidak bekerjasama sesama perawat, walaupun bekerja di bawah satu bumbung.
- 8.19 Mengacau perawat lain dengan cara yang kasar dan boleh menimbulkan pelbagai persoalan dan masalah.
- 8.20 Perawat berlagak sebagai juara dalam perubatan. Misalnya, menegur perawat lain tanpa etika yang agak sopan dengan menyebutkan "*kau salah ketuk macam tu.. Mari aku buat..*" Akhirnya akan menimbulkan pergaduhan.

- 
- 8.21 Bercakap kasar dengan pelatih dalam semua keadaan. Tidak mahu memberi bantuan kepada pelatih yang memerlukannya.
 - 8.22 Menyebutkan banyak jin dalam badan awak.

9. SYARAT-SYARAT PENTING MENJADI PERAWAT PELATIH

- 9.1 Beragama Islam.
- 9.2 Beriman.
- 9.3 Bertakwa dan tawakkal.
- 9.4 Memahami asas-asas tauhid khasnya yang berkaitan dengan sebab, musabab dan musabbib al-asbab.
- 9.5 Berakhhlak mulia.
- 9.6 Hafal Manzil.
- 9.7 Hafal surah al-Ra'd.
- 9.8 *Himmah* yang tinggi.
- 9.9 Memahami kertas-kertas kerja berkaitan dengan pelbagai masalah perubatan Islam, penyakit, sihir dan lain-lainnya yang ditulis oleh para ulama.
- 9.10 Tidak terlibat dengan amalan dan kepercayaan sesat atau apa-apa juga unsur khurafat.
- 9.11 Menjalani latihan sekurang-kurangnya 6 bulan.

10. PELBAGAI KESALAHAN DALAM PUKULAN

- 10.1 Pukulan yang tidak mantap walaupun lebam. Pukulan yang mantap menghilangkan kepanasan atau kehangatan pada tempat yang dipukul. Kaedah memantapkan pukulan hendaklah dipukul pada tempat yang tertentu, dalam masa yang agak lama, jangan berpindah pindah, sehingga berasa sejuk dan pelatih merasa tak sakit lagi (perawat hendaklah tanya: *sakit lagi tak?*), diiringi dengan muraqabah *ma'iyyah* sehingga tempat yang diketuk itu hilang kepanasannya atau kehangatannya. Contohnya kepala telah diketuk sebanyak 2x, namun bengkak di kaki tidak hilang.
- 10.2 Pukulan secara rawak atau rambang, iaitu pukulan dibuat di sana sikit dan di sini sikit, misalnya diketuk sedikit di tapak tangan, kemudian sedikit di atas bahu lepas itu berpindah ke tempat lain. Lepas itu mandi.
- 10.3 Ketukan yang terlalu kuat menggerunkan pelatih dan orang yang melihat, atau sebaliknya terlalu perlahan.
- 10.4 Ketukan yang sepatutnya dilakukan melintang tetapi dilakukan membujur atau sebaliknya.
- 10.5 Meninggalkan ketukan pada tempat yang penting, ditumpukan ketukan ada tempat yang kurang penting, disebabkan tidak cermat ketika melakukan diagnosis. Contohnya kaki yang bengkak, diketuk di kaki atau ditapak kaki oleh perawat. Sedangkan sepatutnya pelatih hendaklah diketuk di kepala atau di tapak tangan.
- 10.6 Menggunakan kayu yang kurang sesuai saiznya.
- 10.7 Mengalih sasaran kayu terlalu jauh daripada tempat asal ketukan. Ini menjadikan pelatih lebih menderita.
- 10.8 Meneruskan ketukan tanpa menghiraukan rayuan pelatih minta berhenti sebentar.
- 10.9 Memukul dengan dua tangan serentak, kerana kelihatan kurang beretika.
- 10.10 Mengetuk di tempat sensitif pada pelatih yang datang kali pertama, seperti muka walaupun telah diagnosiskan ketukan perlu di muka.

- 10.11 Ketukan tanpa memberi penerangan yang lengkap.
- 10.12 Ketukan yang dibuat terus menerus tanpa menyapukan air garam dengan cuka.

11. KAEADAH MANDIKAN PELATIH ALA MANARAH

- 11.1 Menyuruh pelatih yang hendak dimandikan berniat mandi sunat taubat daripada semua dosa yang besar dan yang kecil, yang zahir dan yang batin dan beristighfar terus menerus semasa proses mandian dijalankan. Jika pelatih berasa lemah tubuh badan, hendaklah disuruh berselawat nabi atau ditalkinkan selawat nabi seperti selawat yang dibaca di dalam tahiyyat.
- 11.2 Hendaklah dibaca bacaan (1) hingga (6) dalam Bab Kaedah Pukulan yang tersebut di atas.
- 11.3 Mandian dimulakan dengan menjiruskan atau pun memancutkan air ke bahagian kepala, diikuti kedua belah tangan, badan dan kaki. Ketika jirusan itu sampai ke tubuh badan, pelatih hendaklah meniatkan mandi sunat taubat.
- 11.4 Sesudah basah seluruh badan, potongan limau nipis yang telah dikenakan garam hendaklah digosok ke badan pelatih dimulakan dengan bahagian kepala, diikuti arah ke tengkuk, ke leher, ke dada, ke bahagian belakang, kedua belah tangan dan ditarik ke hujung jari sambil meniatkan mengeluarkan unsur-unsur jahat yang ada di dalam tubuh pelatih, demikian juga digosok di bahagian kaki sehingga ke hujung jari kaki.
- 11.5 Bacaan yang harus dibaca semasa menggosok dan menarik hujung jari kaki dan tangan ialah:

وَمَا رَمِيتَ إِذْ رَمَيْتَ وَلَكِنَّ اللَّهَ رَمَىٰ

Surah al-Anfal: 17 atau surah Al-Hashr: ayat 21 atau Yasin: 63-64.

- 11.6 Sesudah selesai semua limau digosokkan, pelatih hendaklah dibilas dengan air biasa diikuti dengan bilasan air.
- 11.7 Kaedah bilasan air batu yang terbaik dengan menerjunkan air batu dengan jar air sedikit demi sedikit. Jika kita mahu kaedah yang terbaik, hendaklah disediakan bekas air yang sederhana besarnya diletakkan di satu tempat yang tinggi untuk diisi dengan air batu dan segala ubat-ubatan yang diperlukan termasuklah limau dan air yang diruqyah. Bekas tersebut dipasangkan dengan satu hos getah yang mudah dikawal dan air tersebut akan diterjunkan kepada pelatih (PERINGATAN: KITA MEMERLUKAN SUATU TEKNOLOGI).
- 11.8 Sekiranya pelatih perempuan, hendaklah disuruh menggosok bahagian muka, dada dan bahagian-bahagian sulit sendiri. Perawat boleh menarik tangan hingga ke hujung jari dan bahagian kaki hingga ke hujung jari. Perawat juga boleh membawa kayu untuk mengetuk bahagian-bahagian belakang dan tapak kaki.
- 11.9 Selepas mandi hendaklah diberi pelatih minum air sejuk.

12. KESALAHAN SEMASA MEMANDIKAN PELATIH

- 12.1 Memandikan pelatih dalam keadaan malas, hanya untuk melepaskan batuk di tangga. Jirusan yang dibuat tidak mencukupi.
- 12.2 Air tidak dicampurkan dengan air yang diruqyah.
- 12.3 Tidak menjaga aurat pelatih, terutama pelatih perempuan.

PERINGATAN PENTING:

Pengiring hendaklah tahu dan memahami semua perkara yang disebut di dalam SOP ini. Sekiranya pelatih memerlukan maklumat berkaitan dengan rawatan, pengiring hendaklah memberi penjelasan. Sekiranya pengiring tidak mampu memberi jawapan, hendaklah pengiring rujuk kepada jururawat.

METOD MENGESAN SYAITAN DAN JIN DALAM TUBUH (MMSJ™)

Perawat yang terlatih boleh mempraktikkan MMSJ™ seperti yang dijelaskan di bawah ini:

BIL	PERKARA	SEMAKAN
1.	Duduk melunjur, luruskan tangan. Seorang pembantu sepit semua jari-jari kaki kiri dan kanan dengan dua batang lidi atau seumpamanya.	
2.	Picit bahagian sebelah dalam yang bersetentangan dengan atas siku tangan kanan dan kiri.	
3.	Picit urat besar atas bahu kanan dan kiri.	
4.	Picit kawasan ketiak; bahagian L belakang, bahagian tengah ketiak dan bahagian L depan.	
5.	Picit bahagian belakang tenguk.	
6.	Picit bahagian pinggang kiri dan kanan.	
7.	Picit pangkal paha sebelah dalam kanan dan kiri.	
8.	Picit di bawah dagu.	
9.	Picit bawah telinga kanan dan kiri.	
10.	Jentik jari manis sebelah kanan dan kiri.	
11.	Melentang dalam keadaan relaks. Dengan kedua belah tangan pegang dan picit bahagian atas pusat, bahagian bersetentangan pusat dan bahagian bawah pusat.	
12.	Sebiji limau, letakkan di atas pusat. Tekan perlahan-lahan dengan sebelah tangan. Kekuatan tekanannya ditambahkan perlahan-lahan.	
13.	Pukul perlahan-lahan kedua tapak kaki dengan ranting yang kecil seperti wayar elektrik.	
14.	Meniarap. Picit kedua-dua punggung dengan kedua belah tangan atau tekan dengan pensel kayu (bahagian pemadam).	
15.	Dengan menggunakan tapak tangan rasakan keadaan suhu seluruh tubuh badan. Adakah kepanasannya berbeza-beza atau sama?	
16.	Menjirus air batu atas kepala. Caranya, pelati duduk melunjur, perawat sambil berdiri menerjunkan air batu dalam jag ke atas kepala pelati perlahan-lahan, supaya panahan air yang terjun ke atas kepala mendatangkan impak yang dikehendaki. Biasanya, kalau ada syaitan dan jin dalam tubuh, pelati merasa sangat sakit, kadang-kadang dirasakan kepalanya seakan-akan pecah.	

Penjelasannya:

- Pelatih dikehendaki duduk di atas lantai atas di atas katil khas atau meja khas dengan melunjurkan kedua-dua belah kaki dan merapatkan kedua-duanya, meletakkan kedua-dua belah tangan di atas paha. Perawat hendaklah mengarahkan pelatih untuk mencapai kedua-dua hujung tapak kaki dengan kedua-dua tangan. Perawat hendaklah merekodkan prestasi pencapaian yang dibuat oleh pelatih.
- Kemudian perawat hendaklah menyepit kesepuluh jari kaki dengan alat penyepit yang telah disediakan. Selepas itu, perawat hendaklah memicit di hujung paha kiri dan kanan, juga di pangkal paha kiri dan kanan, memicit pinggang kiri dan kanan, memicit bahagian ketiak iaitu tiga bahagian, luar, dalam dan tengah, memicit di hujung lengan kiri dan kanan, memicit bahu kiri dan kanan, memicit tengkuk, memicit di bawah kedua-dua belah telinga, memicit di bawah dagu. Perawat hendaklah merekodkan hasil pemeriksaannya dengan teliti.
- Perawat hendaklah menyuruh pelatih berbaring, lalu melakukan pemeriksaan di perut iaitu dengan memicit tiga bahagian perut, bahagian atas, tengah dan bawah perut. Perawat hendaklah merekodkan hasil daripada pemeriksaannya.
- Pelatih hendaklah disuruh meniarap. Perawat hendaklah memicit dengan kedua-dua belah tangan di punggung pelatih. Setelah itu, perawat juga hendaklah mencucuk di bahagian punggung tersebut. Perawat hendaklah merekodkan hasil pemeriksaan.
- Perawat seberapa boleh menyembunyikan diagnosis yang diperolehi. Jika perlu disebut atau diterangkan kepada pelatih dan anggota keluarga, maka perawat hendaklah menyebutkan sebahagian kecil dengan cara yang bijaksana dan beretika dengan sebaik-baiknya.

RUJUKAN

- A.D.J. Macfarlane. 1970. Definitions of Witchcraft. dlm. Max Marwick (pynt.) *Witchcraft and Sorcery*. Harmondsworth: Penguin Books Ltd.
- Aaidh ibn Abdullah Al-Qarani. *Ilmu Al-Sihr*. Al-Abeikan.
- Abd Majid Hassan. 2009. *Berdialog dengan Jin-Diari Seorang Perawat*. Selangor: Hijaz Records Publishing
- Abd Rahman, B.Pharm. 2012. *Halalkah Ubat Anda? Panduan Penting untuk Umat Islam*. Selangor: Cresent News (K.L) Sdn. Bhd.
- Abd Razzak Naufal. 1982. *Sihir Tarut...Harut...Marut*. Singapura: Percetakan Nasional.
- Abdul Basir Mohammed. *Amalan Sihir & Ayat-ayat Al-Qur'an: Perbezaannya Serta Kesannya Terhadap Amalan Perubatan*. 1999. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abdullah b. Mohd Basmeih, Sheikh. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*. 30 juzuk. 1409 H/1988 M. Kuala Terengganu: Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu.
- Abdullah Bukhari bin Abdul Rahim. 2012. *Ayat-ayat Syaitan: Membongkar Rahsia Jin, Syaitan dan Iblis dalam Al-Quran*. Selangor: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Abu al-Mundhir Khaleel ibn Ibraheem Ameen (terjemahan Nasiruddin Al-Khattab). 2005. *The Jinn and Human Sickness: Remedies in the Light of the Quran and Sunnah*. London: Darussalam
- Abu Dawūd Sulaiman. *Sunan Abu Dawūd*. juzuk 4.
- Abu Mazaya Al-Hafiz. 2011. *Senjata Mukmin*. Selangor: Al-Hidayah Publications.
- Abu Nashr Muhammad bin Abdullah (terjemahan Abu Athiyyah). 2011. *Hukum Berkawan dengan Jin dan Adab Ruqyah Syari'yyah*. Kuala Lumpur: Pustaka Al-Shafa.
- Abū 'Abdullāh Muhammad b. Ahmad al-Ansāriyy al-Qurṭubiy. 1387 H/ 1967 M. *al-Jamī'u li ahkām al-Qur'an*. Kaherah: Dār al-Kitāb al-'Arabiyy li al-Tibā'ah wa al-Nashri.
- Abū 'Abdullāh Muhammad bin 'Abdullāh al-Hākim al-Naysaburi. 1978. *Al-Mustadrak*. Juzuk 2. Beirut: Dār al-Fikri.
- Ahmad Al-Shāntanawī. 1957. *Funūn al-sihri*. Mesir: Dār al-Ma'rifat.
- Ahmad b. Mahmūd Al-Dib. 1994. *Al-'Ilāj al-Qur'āni*. Jeddah: Maktabat Al-Šahābah.
- Ahmad b. 'Ali Abū Bakar Al-Jassāsah. *Ahkām Al-Qur'ān*. jil. 1. Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabiyy.
- Ahmad Shahrul Nizam Muhammad dan Abdullah Wahab. 2009. *Bekas Bilal Bomoh Ekor*. Harian Metro. 5 November: A4.
- Ahmad Tajol Ansar Ibrahim. 2009. *Tangkal Tak Kebal*. Harian Metro. 11 Mei: C1 dan 5 ahli Geng Ipol ditembak. *Harian Metro*. 11 Mei: A4.
- Ahmad Tāha. 1992. *Kedoktoran Islam*. terj. Ismail Ibrahim. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Al-Nawawiyy. *Şahīh Muslim*. jil. 7. 1924. juzuk 14.
- Al-Qurtubi. *al Jami' li Ahkam al Qur'an*. juzuk 2.
- Al-Qur'ān al-Karīm.
- Al-Rāzi. Fakhru al-dīn Muhammad b 'Umar. 1938. *al Tafsir al Kabir*. Juzuk 3. Kaherah: Matba'ah al-Bahiyyah al-Misryyah.
- Al-Rāzi. Fakhru al-dīn Muhammad b 'Umar. 1991. *Ahkām al-sihri wa al-sahrah fi Al-Qur'ān wa Al-Sunnah*. Beirut: Dār al-Fikri al-Lubnaniyy.
- Al-Rāzī. Fakhru al-dīn Muhammad b 'Umar. 1938. *al-Tafsīr al-kabīr*. Juzu' 3. Kaherah: Matba'ah al-Bahiyyah al-Misriyyah.
- Ali Murtadha As-Sayyid (terjemahan Abd Rohim Mukti). 2005. *Bagaimana Menolak Sihir & Kesurupan Jin*. Jakarta: Gema Insani
- Amran Kasimin. 1990. *Fadilat Ayat al-Kursi*. Kuala Lumpur: Pustaka al Mizan.
- Amran Kasimin. 1995. *Santau Sebagai Satu Cabang Ilmu Sihir*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn Bhd
- Amran Kasimin. 1997. *Amalan Sihir Masyarakat Melayu: Satu Analisis*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd.
- Amran Kasimin. 2002. *Tanda Sihir & Kekuatan Roh Untuk Mengatasinya*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd.
- Amran Kasimin. 2006. *Sihir dan penjelasannya*. Brunei: Pusat Da'wah Islamiah.
- Amran Kasimin. 2009. *Sihir: Suatu Amalan Kebatinan*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia
- ANI. 24 Mei 2009. Old Dailt Woman Accused of Witchcraft Stripped and Beaten. http://www.thaindian.com/newsportal/india-news/old-dailt-woman-accused-of-witchcraft-stripped-and-beaten_100196466.html [11 Disember 2009]
- Anisah Che Ngah. 2008. Undang-undang dan Perubatan. dlm. Mohamed Hatta Shaharom (pnyt.). *Etika Perubatan Islam dan Isu-isu Psikiatri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anita bt Abdul Rahim. 2008. Tanggungan Jenayah Kanak-kanak di Malaysia: Penilaian Semula Undang-undang. Tesis Dr. Falsafah. Fakulti Undang-undang. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anon. 10 Oktober 2008. Raipur Man Attacks Woman For Practicing Witchcraft. http://www.thaindian.com/newsportal/uncategorized/raipur-man-attacks-woman-for-practising-witchcraft_100105844.html [11 Disember 2009]
- Anon. 2005. Chhatisgarh Crackdown On Social Evil -'Witches' To Get Legal Cover. *The Deccan Herald*. 3 August.
- Anon. 2005. Widow Paraded Naked Killed by Villagers. *The Times of India*. 12 July.
- Anon. 2009. 2 tertipu RM 14.350 Beli Syiling Toyol. Harian Metro. 12 Mei: A18.
- Anon. 2009. Perbincangan Perlu Gubal Akta Ilmu Sihir. *Berita Harian*. 18 Disember: 16.
- Anon. 20 Julai 2005. Anti-witchcraft Act To Check Crimes Against Women. <http://www.newkerala.com/news.php?action=fullnews&id=7782> [15 Ogos 2005]

- Anon. 24 November 2009. Saudi Arabia: Witchcraft and Sorcery Cases on the Rise. <http://www.hrw.org/en/news/2009/11/24/saudi-arabia-witchcraft-and-sorcery-cases-rise> [10 Disember 2009]
- Anon. 3 November 2007. Saudi Executes Egyptian for Practising Witchcraft. <http://www.abc.net.au/news/stories/2007/11/03/2080777.htm> [10 Disember 2009]
- Anon. t.th. *Bullet Wound. this will kill you.* <http://us.macmillan.com/CMS400/uploadedFiles/ThisWillKillYou--BulletWound.pdf> [9 Disember 2009]
- Anon. t.th. Draft Mpumalanga Witchcraft Suppression Bill 2007. <http://www.pagancouncil.co.za/node/66> [11 Disember 2009]
- Anon. t.th. Fraudulent Mediums Acts 1951 (c.33). <http://www.statutelaw.gov.uk/content.aspx?ActiveTextDocId=1100678> [11 Disember 2009]
- Anon. t.th. India Human Rights Reports 2006. <http://www.achrweb.org/reports/india/AR06/chhattisgarh.htm> [1 Disember 2009]
- Anon. t.th. Paganism in Australia. <http://www.janih.com/lady/laws.html> [11 Jun 2009]
- Anon. t.th. Programme Standards For Traditional and Complementary Medicine http://www.mqa.gov.my/borang/prog_stand/oct09/Traditional%20and%20Complementary%20Medicine.pdf [3 Disember 2009]
- Anon. t.th. Programme Standards For Traditional and Complementary Medicine http://www.mqa.gov.my/borang/prog_stand/oct09/Traditional%20and%20Complementary%20Medicine.pdf [3 Disember 2013]
- Anon. t.th. The Complete Works of William Shakespeare. <http://www.shakespeare-literature.com/Macbeth/18.html> [20 Januari 2010]
- Associated Press. 14 Februari 2008. Saudi Arabia To Execute Woman For ‘witchcraft’: Human rights group appeals to Saudi King to stop execution. <http://www.msnbc.msn.com/id/23162712/> [10 Disember 2009]
- ‘Abdul al-Rahmān ibn Abi Bakr. Jalāl al-din al-Suyuti. 1986. *Laqt al-Mirjan fi ahkām al-jin*. Beirut: Dār al-Kutub al-climiyyah.
- ‘Alī Muhammad al-Bajawī. t.trh.. *Ahkām Al-Qur’ān li Ibni al-cArabiyy*. Juzu’ 1. ‘Isa al-Babī al- Halabī wa al-Shurakah.
- ‘Attar. Farīd al-Dīn. 1989. *Tazkiratul-auliya’: Riwayat 62 orang wali-wali Allah*; terj. Abdul Majid Bin Haji Khatib. Kota Bharu. Pustaka Aman Press.
- ‘Ādil ‘Izzat Muhammad al-Ārif. 2001. *Rahsia & Keajaiban Dunia Jin: Cara Hindari Gangguannya*. Selangor: Pustaka Ilmi.
- Basri bin Ibrahim Al-Hasani Al-Azhari. 2013. *Beberapa Kepercayaan & Amalan Kontroversi dalam Masyarakat Islam*. Selangor: Al-Hidayah House of Publishers Sdn Bhd
- Bernama. 2009. *Mangsa Bomoh Kebanyakan Mahu Kelihatan Cantik dan Kaya*. Utusan Malaysia. 9 Disember: 24.
- Boredel. Hans Peter. 2003. *The Malleus Maleficarum and the Construction of Witchcraft. Theology and Popular Belief*. New York: Manchester University Press.
- Branson, R. K., Rayner, G. T., Cox, J. L., Furman, J. P., King, F. J., Hannum, W. H. (1975). *Interservice Procedures for Instructional Systems Development*. (5 vols.) (TRADOC Pam 350-30 NAVEDTRA 106A). Ft. Monroe, VA: U.S. Army Training and Doctrine Command, August 1975.

- C. Peter Bankart. 1997. *Talking Cures: A History of Western & Eastern Psychotherapies*. USA: Brooks/ Cole Publishing Company.
- Chester G. Starr. 1973. *Early Man: Prehistory and The Civilizations of the Ancient Near East*. London: Oxford University Press.
- Clyde K. Hyder. 1963. *Rossetti's "Rose Mary": A Study in the Occult*. Victorian Poetry. Vol. 1. No. 3 (Aug). West Virginia University Press.
- CMV Clarkson. 1987. *Understanding Criminal Law*. London: Fontana Press.
- Diwan. Mohammed A.. 2004. Conflict Between State Legal Norms and Norms Underlying Popular Beliefs: Witchcraft in Africa As a Case Study. *Duke Journal of Comparative & International Law*. 14.2 (Summer 2004): 351(37).
- Donald Harper. 1987. Magic in East Asia. dlm. Lawrence E. Sullivan (pnyt.). *Hidden truths: Magic. Alchemy and the Occult*. New York: MacMillan Publishing Company.
- E.A Wallis Budge. 1988. *Egyptian Magic*. London: Arkana.
- Edward Miguel. 2005. Poverty and Witch Killing. *Review of Economic Studies*. 72. The Review of Economic Studies Limited.
- Emilie Savage-Smith. 2004. *Magic and Divination in Early Islam*. Britain: Ashgate Publishing Limited.
- Emmet V. Mittlebeeler. 1976. *African custom and Western Law: The Development of the Rhodesian Criminal Law for Africans*. New York: African Publishing Company.
- Eric Maple. 1973. *Witchcraft: The Story of Man's Search for Supernatural Power*. London: Octopus Books.
- Fadhil Yusri. 2009. *Geng pukau samun barang kemas RM 1j*. Berita Harian. 10 Disember: 19.
- Finlo Rohrer and Sarah Bell. 18 April 2008. *There may be trouble ahead*. http://news.bbc.co.uk/2/hi/uk_news/magazine/7354089.stm [11 Disember 2009]
- Firyal 'Ulwan (terjemahan Bahruddin Fannani). 1996. *Misteri Alam Jin*. Bandung: Pustaka Hidayah
- Forth. G.. 1993. Social and Symbolic Aspects of the Witch Among the Nage of Eastern Indonesia. dlm. C.W. Watson Roy Ellen (pnyt.). *Understanding Witchcraft and Sorcery in Southeast Asia*. Honolulu: University of Hawaii Press.
- Gananath Obeysekere. 1975. The Idiom of Demonic Possession: A Case Study.dlm. Thomas J. Scheff (pnyt.). *Labelling Madness*. New Jersey: Prentice Hall Inc.
- Geoffrey Scarre. 1987. *Witchcraft and Magic in 16th and 17th Century Europe*. London: MacMillan Education Ltd.
- Glanville Williams. 1961. *Criminal Law*. 2nd ed.. London: Stevens & Sons.
- Haji Awang Abdul Aziz bin Juned. 2008. *Berubat dengan Perubatan Bumi dan Perubatan Langit*. Brunei: Jabatan Mufti Kerajaan
- Hamid Fahmy Zarkasyi. 2003. *Keajaiban dan Keunikian Alam Jin*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers
- Hamid Salleh. 2009. 10 Histeria Selepas Main Bola Jaring. *Metro Ahad*. 3 Mei: 8.
- Haron Din. 2009. *Menjawab Persoalan Makhluk Halus: Kaitannya dengan Penyakit dan Pengubatan*. Selangor: Persatuan Kabajikan dan Pengubatan Islam Malaysia (Darussyifa') & Koperasi Darussyifa'

- Harun Arrasyid Hj Tuskan. 2003. *Mukjizat Nabi dan Rasul Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Zebra Editions Sdn. Bhd.
- Heba Saleh. 14 Februari 2008. Pleas for Condemned Saudi ‘witch’. <http://news.bbc.co.uk/2/hi/7244579.stm> [10 Disember 2009]
- Henry Dore. 1966. *Researches into Chinese Superstitions*. terj. M. Kennelly. Taipeh. Taiwan: Ch'eng-Wen Publishing Company.
- Hj. Ahmad Hj. Che Din. 1997. *Perubatan Tradisional Melayu. Adat Resam Masyarakat Melayu Islam. Latihan Pertahanan Diri Melayu. Perkara-perkara Khurafat dan Ajaran-ajaran Sesat*. Kuala Kangsar: t.pt.
- Hj. Jahid b. Hj. Sidek. 2006. *Jin/ Syaitan: Hubungannya dengan pelbagai gangguan kesihatan manusia*. kertas kerja Seminar Perubatan Islam 1. anjuran Persatuan Kebajikan Bina Budi Malaysia. Pusat Penyelidikan Getah RRIM. Sungai Buloh. 16 September.
- Hj. Jahid b. Hj. Sidek. 2007. *Kaedah Perubatan Refleksologi Islam*. kertas kerja Seminar Perubatan Alternatif Daripada Perspektif Islam. anjuran bersama Masjid Sultan Ismail UTM. Badan Kebajikan Staf UTM. Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas UTM. Persatuan Kajitangan Akademik UTM. Bahagian Pembangunan Sumber Manusia Pejabat Pendaftar UTM. di Dewan Senat Universiti Teknologi Malaysia. 26 Julai. hlm. 19-21.
- Hj. Jahid b. Hj. Sidek. 2008. *Sihir: Ciri-Cirinya. Kaedah Rawatan Dan Amalan Pendinding*. kertas kerja Seminar Rawatan Islam Siri 1 anjuran IQ Insan Training & Consultancy. Masjid Negara. Kuala Lumpur. 5 Januari. hlm. 4-6.
- Hj. Jahid b Hj Sidek. 2008. Saka: Kesannya dan Cara Rawatannya. Kertas kerja Kursus Perubatan Islam. anjuran Pusat Islam. Canselori Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Melaka. 9 April.
- Hj. Jahid Sidek, 2004. *Berpawang dan Bersahabat dengan Jin dari Perspektif Islam*, Utusan Publications & Distributor Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.
- Hj. Sharif b. Hj. Abu Samah & Hjh. Asnida bt. Hj. Mohd Ali. 2008. *Alman Undang-undang Jenayah di Malaysia*. Selangor: ILBS.
- Hj. Zainal Abidin Safarwan. 1995. *Kamus Besar Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. t.th. *Zād al-Ma'ād*. jil. 4.
- Ibnu Kathīr. 1974. *Al-bidayah Wa Al-nihayah*. ed. 2. jil. 7. Beirut: Maktabah al-Ma'ārif.
- Ibnu Taimiyyah. t.th.. *Al-bayān al-mubīn fi Akhbār al-jinni wa al-shayāṭin*. t.tp: t.pt.
- Ibrahim Abdul Alim Abdul Bar. 2006. *Kajian Terperinci Kerasukan Syaitan dan Sihir: Panduan Berubat dan Bid'ah Semasa Rawatan*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.
- Ibrahīm Muhammad Jamal. 1982M/ 1403H. *Haqīqat al-Sihr: Dirāsah fī zilālī qisasi Qur'āni wasīrah nabawiyyah*. Kaherah: Maktabah Qur'ān.
- Ibrahīm Muhammad Jamal. 1987. *Hakikat Sihir*. Semarang. CV. Toha Putra. hlm. 69.
- Ioana Anderson Miereanu. 1989. Magic in Eastern Europe. dlm. Lawrence E. Sullivan (pnyt.). *Hidden Truth: Magic. Alchemy and the Occult*. New York: Mc Millan Publishing Company.
- Irman Hashim. 2009. Geng Arab Samun Guna Pukau. *Utusan Malaysia*. 10 Disember: 15.

- J.C. Smith & Brian Hogan. 1996. *Criminal Law*. Ed. 8. London: Butterworth & Co. Ltd.
- J.F. Borghouts. 1995. Witchcraft, Magic and Divination in Ancient Egypt. dlm. Jack M. Sasson (pnyt.). *Civilizations of the ancient near East*. Vol III. Part 8 (Religion & Science). New York: Charles Scribner's Sons.
- J.J.M. de Groot. *The Religious Systems of China*. Book 2. Vol. 5 (3). t.trk: t.tp.
- Jalaluddin Abdul Rahman As-Suyuti (terjemahan Nor Azlina Abd. Aziz). *Kaedah Perubatan Rasulullah SAW*. Kuala Lumpur: Synergy Publishing Co.
- Jeffrey Burton Russell. 1989. *Witchcraft*. dlm. Lawrence E. Sullivan (pnyt.). *Hidden truth: Magic. Alchemy and the Occult*. New York: Mc Millan Publishing Company.
- Jennifer Widner. 2001. *Building the Rule of Law: Francis Nyalai and the Road to Judicial Independence in Africa*. New York: W.W. Norton Company Inc.
- John D. Gimlette. 1971. *Malay Poisons & Charm Cures*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Jolly. Karen Louise. 2002. *Witchcraft and Magic in Europe: The Middle Ages*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- Junita Mat Rasid. 2009. Bomoh Guna-guna Penipu. Harian Metro. 21 Mei: A12.
- K.H.M. Ali Usman. 1979. *Manusia jin Mengganggu Ketenteraman*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.
- Khairul Ghazali. 2001. *Rupa & Wajah Iblis Laknatullah*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Kippenberg.H.. 1995. Magic in Roman Civil Discourse: Why Rituals Could be Illegal.dlm. M. Meyer & P. Mirecki (pnyt.). Acient magic and ritual power. Leiden: Brill.
- L.B. Curzon. 2003. *Dictionary of Law*. Kuala Lumpur: International Law Books Services.
- L.W. King. 1910. Mesopotamia: The Code of Hammurabi. Richard Hooker (pnyt.). Washington State University. <http://www.wsu.edu/~dee/MESO/CODE.HTM> [9 Disember 2009]
- Leon Comber. 1960. *Chinese Magic and Superstitions in Malaya*. Singapura: Eastern Universities Press Ltd.
- M. Quraish Shibab. 2006. *Jin, Iblis, Setan & Malaikat dalam Al-Quran-As-Sunnah serta Wacana Pemikiran Ulama Masa Lalu dan Masa Kini*. Jakarta: Penerbit Lentera hati.
- Ma. Auxiliadora Solano Monge. 1999. *The Expert Testimony Before the Inter-American Court Of Human Rights*. ILSA Journal of International & Comparative Law. Vol 5.
- Mackay. Christopher S.. 2006. *Malleus Maleficarum*. New York. USA: Cambridge University Press.
- Maiamalina Mohamed Amin. 2009. *Bahana Tangkal Jed*. Harian Metro. 4 November: 1 dan 4.
- Majdi Muhammad Asy-Syahawi (terjemahan Basri bin Ibrahim). 2006. *Rawatan Rabbani untuk Mangsa Sihir dan Gangguan Syaitan*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa
- Mallal's Penal Law. 2002. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn. Bhd.

- Martin Hannibal & Lisa Mountford. 2002. *The Law of Criminal and Civil Evidence: Principles and Practice*. Essex: Pearson Education Ltd.
- Mayer. Philip. 1990. *Witches*. dlm. Max Marwick (pnyt.). *Witchcraft and sorcery*. Penguin Books.
- Mimi Kamariah Majid. 1999. *Criminal Procedure in Malaysia*. ed. 3. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Mohamed Hatta Shaharom. 2001, *Psikiatri: Perubatan, Undang-undang dan Masyarakat*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti.
- Mohamed Hatta Shaharom. 2008. Perubatan Psikologi Menurut Islam. dlm. Mohamed Hatta Shaharom (pnyt.). *Etika Perubatan Islam dan Isu-isu Psikiatri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamed Hatta Shaharom. 2008b. Penyakit Psikiatri. Gangguan Jin dan Keganasan Keluarga. dlm. Mohamed Hatta Shaharom (pnyt.). *Etika Perubatan Islam dan Isu-isu Psikiatri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Sattar Rasul et al. 2008. *Pembangunan Standard Pengukuran Kemahiran 'Employability'*, Jurnal Teknologi, 49 (E), Dis. 2008: 15-30, UTM.
- Mohd. Fadil bin Ariffin (Abu Al-Baqir Ad-Dusuqi). 2010. *Rahsia & Khasiat Huruf-huruf Hijaiyyah (Siri Perubatan Islam)*. Kelantan: Al-Baqir Enterprise
- Mohd Firdaus Ibrahim dan Sri Ayu Kartikawati Amri. 2009. *Saka Penunduk Lelaki Miang*. Harian Metro. 16 Mei: A3.
- Mohd Jamilul Anbia Md Denin. 2009. *5 Tahun Disihir Isteri*. Harian Metro. 2 November: 15.
- Mohd Jamilul Anbia Md Denin. 2009. *Bomoh Karut*. Harian Metro. 29 Ogos: A35.
- Mohd Jamilul Anbia Md Denin. 2009. *Bomoh Main Silap Mata*. Harian Metro. 24 Ogos: A3.
- Mohd Jamilul Anbia Md Denin. 2009. *Geng Arab Beralih Pukau Pelancong Asing*. Harian Metro. 14 Mei: A26.
- Mohd Jamilul Anbia Md Denin dan Iskandar Shah Mohamed. 2009. Geng Pak Ee lut peluru. *Harian Metro*. 12 Ogos: C2.
- Mohd Salman Hamat dan Amir Abd Hamid. 2009. *Sapu Najis Untuk Hebat Di Ranjang*. Harian Metro. 26 November: A6.
- Morrison, Gary R. 2010. *Designing Effective Instruction*. 6th Edition. John Wiley & Sons.
- Morrison. Wayne. 2001. *Blackstone's Commentaries on the Laws of England*. Vol IV. London: Cavendish Publishing Ltd.
- Muhamad Imarah. 2005. *Adakah Rasulullah SAW Disihir?*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise
- Muhammad ibnu Abī Bakr Ibnu Qayyim al-Jawziyyah.t.th.. *Al-Rūh*. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah. Beirut.
- Muhammad Isa Dawud (terjemahan M. Fadzli A. Bakar). 2004. *Sihir Penghalang Perkahwinan*. Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada
- Muhammad Isa Dawud (terjemahan Suzilawati Abdullah). 2013. *Berdialog dengan Jin*. Selangor: Hijjaz Records Publishing
- Muhammad Mahmūd 'Abdullāh. 1995. *Şofwāh al-bayān fi cllāj al-sihri wa al-hasadi wa massi al-shayṭān*. Kaherah: Maktabat al-Qudsi.
- Muhammad Muhammad Ja'afar. 1958. *Al-Sihr*. Kaherah: Maktabat al-Anjalu al-Misriyyah.

- Muhammad Mutawallī al-Sha'rawiyy. 1990. *al-Sihru wa al-hasad*. Kaherah: al-Maktabah al Sha'rawī al-Islamīyah.
- Muhammad Muṣṭafā al-Hadīdī Al-Thair. 1987. *Penyuluhan Arwah*. Jakarta: Pustaka Amani.
- Muhammad 'Alī al-Šabūnī. 1397H/ 1977M. *Rawai al-Bayan Tafsīr āyāt al-ahkām min Al-Qur'ān*. Juzu' 1. Damsyik: Mansyūrat Maktabat al-Ghazālī.
- Muhd Izawan Baharin. 2009. *Ilmu Cuca Kunci Mulut*. Harian Metro. 2 November: 9.
- Muhd Izawan Baharin. 2009. *Segera Insaf, Bertaubat*. Harian Metro. 27 November: A11.
- Musdar Bustamam Tambusai. 2010. *Buku Pintar Jin, Sihir & Ruqyah Syari'yyah*. Jakarta: Pustaka Al-Kautsar
- Naomi Janowitz. 2001. *Magic in the Roman World: Pagan, Jews and Christians*. London: Routledge.
- National Research Council. 2004. *Forensic Analysis: Weighing Bullet Lead Evidence*. http://dels.nas.edu/dels/rpt_briefs/bullet_lead_final.pdf [9 Disember 2009]
- Nazarali Saeril. 2009. *Sihir Dalam Mahkamah: Peguam Alami Gangguan*. Metro Ahad. 1 November: 10.
- Nurdeng Deuraseh. 2013. *Rukyah dalam Islam Ke Arah Jampi yang Halal*. Selangor: Universiti Putra Malaysia
- Nurkhairini Jumari. 2009. *Menteri Sokong Wujud Undang-undang Sihir*. Sinar Harian. 18 Disember: N8.
- Owen Davies. 2003. *Transcript of the Witchcraft Act of 1736*. <http://www.karisgarden.com/cunningfolk/witact.htm> [11 Disember 2009]
- P.S. Atchuthen Pillai. 1983. *Criminal Law*. 6th ed.. N.M. Tripathi Private Ltd.
- Pharr. C.. 1932. The Interdiction of Magic in Roman Law. *Transactions of the American Philological Association*.
- R.O. Winstedt. 1971. *Kamus Bahasa Melayu*. cet. 3. Marican & Sons (M) Sdn. Bhd.. KL & Singapura.
Ratanlal & Dhirajlal's Law of Crimes. 25th ed.
- Richard Kieckhefer. 1990. *Magic in the Middle Ages*. Great Britain: Cambridge University Press.
- Richard Windstedt. 1982. *The Malay Magician*. New York: Oxford University Press
- Rt Hon Lord Goldsmith. 2007. Expert evidence: The Problem or the Solution? The Role of Expert Evidence and Its Regulation. *CLJ Quarterly Law Review*. 2.
- Rudy Syareme Sheriffuddin. 2009. *Kalimah Allah Dalam Tokong*. Harian Metro. 11 November: A6.
- Russell. Jeffrey Burton. 1972. *Witchcraft in the Middle Ages*. Ithaca. New York: Cornell University Press.
- Russell Heaton. 1996. *Criminal Law*. London: Blackstone Press Ltd.
- S. Ali Balidram. *Syaitan dan Jin*. t.trkh. Pustaka Muda. Ipoh.
- Salman Hamat dan Mohd Firdaus Ibrahim. 2009. Serapah 'Alat Buaya Jantan'. Harian Metro. 22 Mei: A6.
- Sarah Zulkifli. 2009. *Mangsa Pukau 'Tauke Kantin'*. Harian Metro. 3 Ogos: C2.

- Sarah Zulkifli. 2009. *Tuduh Bela Hantu Raya*. Harian Metro. 25 ogos: C18.
- Sassoon. John. 2005. *Ancient Laws and Modern Problems*. Intellects Books.
- Shamsuddin Suhor. 2007. *Undang-undang jenayah: Mengimbas perkembangan*. dlm. Anisah Che Ngah. Rohimi Hj Shapiee. Sakina Shaik Ahmad Yusoff. Rahmah Ismail dan Shamsuddin Suhor (pnyt.). *Undang-undang Malaysia: 50 tahun merentasi zaman*. Selangor: Fakulti Undang-undang UKM.
- Shanty Nur Shaffizan Shafee. 2009. Pukau Kaki Ekor. *Harian Metro*. 7 Ogos: C22.
- Sharma. C.M. 2002. Witchcraft in Nepal: A Tragedy to Women. http://www.geocities.com/chhatra_sharma/witchcraft.html [24 Julai 2005]
- Sonia Verma. 16 Februari 2008. King Abdullah Urged to Spare Saudi 'Witchcraft' Woman's Life http://www.timesonline.co.uk/tol/news/world/middle_east/article3378460.ece [10 Disember 2009]
- Stuart Gordon. 1993. *The Encyclopedia of Myths & Legends*. London: Headline Book Publishing Plc.
- Susan C. Karant-nunn & Merry E. Wiesner-Hanks. 2003. *Luther on Women: A Sourcebook*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Syaikh Muhammad Mutawalli Sya'rawi (terjemahan H. Zulfahmi Lubis). 2008. *Sembuhkan Diri Kamu dengan Al-Quran*. Selangor: Berlian Publications Sdn Bhd
- Syed Muhammad Rashīd Ridha. 1373H/ 1954M. *Tafsir al Manar*. Juzu' 1. Mesir: Dār al-Manār. Mesir.
- Syed 'Abdullah Hussīn. 1975. *Menyingkap Rahsia Jin, Syaitan dan Malaikat*. terj. 'Abdullah al-Qāri b. Haji Salleh. Kelantan: Penerbit PAP.
- Şahīh al-Bukhārī jil. 4.
- t.p. 2008. *Garis Panduan Perbomohan Menurut Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
- t.p. 2008. *Khurafat & Azimat*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
- Teo Say Eng. 2004. *Malaysian Criminal Litigation Manual*. Kelana Jaya: Malayan Law Journal.
- Teuku Iskandar (pnys.). 1989. *Kamus Dewan Edisi Baru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- The Holy Bible (Old and New Testament).
- The Oxford English Dictionary. 1989. 2nd ed.. Vol XX. Oxford: Oxford University Press.
- Tim Summer. t.th. Salem Witchcraft: The Events and Causes of The Salem Witch Trials. <http://www.salemwitchtrials.com/salemwitchcraft.html#witchcraft> [3 Disember 2009]
- Umar Hasyim. 1980. *Syetan Sebagai Tertuduh: Dalam Masalah Sihir, Tahayul, Pedukunan dan Azimat*. Malaysia: Penerbitan Penamas.
- Umar Sulaiman Al-Asyqar (terjemahan S. Ziyad Abbas). 1998. *Beinteraksi dengan Jin*. Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada
- Umar Sulaiman Al-Asyqar. 2002. *Ilm' Al-Sihr wal-Sya'wazah*. Jordan: Darul Nafais

- 'Umar Sulaymān Al-'Ashqar. 2002. *'Ālam al-sihri wa al-shawzah*. Edisi ke 4. Jordan: Dār Al Nafā'is.
- Walter Farber. 1995. Witchcraft, magic and divination in Ancient Mesopotamia. dlm. Jack M. Sasson (pnyt.). *Civilizations of the ancient near East*. Edisi III. Bahagian 8 (Religion & Science). New York: Charles Scribner's Sons.
- Walter William Skeat. 1984. *Malay Magic: Being an Introduction to the Folklore and Popular Religion of the Malay Peninsula*. New York: Oxford University Press.
- William Shaw. 1975. *Aspects of Malaysian magic*. Kuala Lumpur: Muzium Negara.
- Wāhid 'Abdussalam Al-Bāly & Daud Mohd Salleh. 1994. *Bagaimana Menentang Ilmu Hitam*. Johor Bahru: Penerbitan Al Masyhur Sdn. Bhd.
- Wāhid 'Abdussalam Al-Bāly. 1996. *Ilmu Sihir & Penangkalnya: Tinjauan Al-Qur'ān, Hadits dan Ulama*. terj. Tb. Abe. Asmawi Shihabuddin. Selangor: Edaran Kalam.
- Yūsuf al-Qardawīyy. 1969. *al-Halāl wa al-harām fi al-Islām*. Damsyik: Masyūrat al-Maktab al- Islāmiyy.
- Zulkifli Mohammad Al-Bakri. 2012. *Hukum Penggunaan Najis dalam Perubatan*. Negeri Sembilan: Muamalah Events

